

BULETIN



ILHAM

eISSN : 2821-3262

PERSATUAN PEGAWAI TADBIR DAN IKHTISAS
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ILMU, MUTU DAN BUDI

EDISI
1/2024

ILMU
MUTU
BUDI

Program
JATI DIRI
WATAN
UKM

17 PARTNERSHIPS
FOR THE GOALS



eISSN 2821-3262



9 772821 326003

SIDANG EDITOR SESI 2023-2025

- | | | | |
|--|---|--|---|
| <p>1 Puan Asmany Aza Ahmad
Ketua Exco Penerbitan
Timbalan Ketua Pustakawan (S52)
asmany@ukm.edu.my</p> | <p>3 Puan Rusiah Husin
Setia Usaha Exco Penerbitan
Pustakawan Kanan (S44)
rusiah@ukm.edu.my</p> | <p>5 Encik Mohamad Salleh Sulieman
AJK Exco Penerbitan
Pegawai Tadbir Kanan (N44)
sallehsulieman@ukm.edu.my</p> | <p>7 Encik Mohd Hairul Nizam Harun
AJK Exco Penerbitan
Pegawai Penyelidik Kanan (Q44)
hairulnizam@ppukm.ukm.edu.my</p> |
| <p>2 Dr. Fhataheya Buang
Timbalan Exco Penerbitan
Pegawai Penyelidik Kanan (Q44)
fhataheya_buang@ukm.edu.my</p> | <p>4 Puan Nor Asiah Mohamad
AJK Exco Penerbitan
Penolong Ketua Pustakawan (S48)
nor@ukm.edu.my</p> | <p>6 Encik Khalid Hashim
AJK Exco Penerbitan
Pereka Kanan (B48 KUPD)
alid@ukm.edu.my</p> | <p>8 Encik Muhammad Khairi Abdul Ghani
AJK Exco Penerbitan
Pegawai Penerbitan (N41)
khairi26@ukm.edu.my</p> |



Hak Cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada PERTADI UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from PERTADI UKM.














Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
 PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & IKHTISAS (PERTADI)
 Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

✉ ilhampertadi@ukm.edu.my

📘 PERTADI UKM

📷 pertadi.ukm

KANDUNGAN

		Nilai PERTADI	2
3		Organisasi Exco PERTADI 2023-2025	
		Dari Editor	4
5		Sekapur Sirih Presiden PERTADI UKM	
		Imbasan Sejarah	6
8		Aktiviti PERTADI 2024	
		Album Aktiviti PERTADI 2024	11
14		Artikel PERTADI 2024	
		Artikel Umum	19
34		Motivasi	
		Pencapaian / Kejayaan / Pengiktirafan Ahli PERTADI	38



NARATIF BAHARU UKM
UNIVERSITI WATAN KITA



NILAI PERTADI

P	PATRIOTIK	Memupuk nilai kecintaan serta solidariti yang ampuh terhadap institusi serta negara. Menjiwai nilai Universiti Watan serta keserakanan sebagai Warga UKM.
E	EMPATI	Menyelami dan memahami emosi serta situasi, disusuli tindakan yang positif untuk mewujudkan suasana kerja yang harmoni.
R	RESPONSIF	Menyegerakan tindakan yang bersifat membantu terhadap sesuatu usaha sebagai ramuan utama dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada Warga UKM dan masyarakat.
T	TOLERANSI	Menghormati dan menghargai perbezaan sebagai asas dalam sebarang tindakan. Kesepaduan dalam kepelbagaian merupakan titik penting dalam keharmonian pengurusan organisasi.
A	ADVOKASI	Mencipta perubahan positif melalui kerangka khidmat nasihat serta libat urus berasaskan kepakaran. Memupuk minda kolaborasi bagi kelangsungan perkhidmatan yang efektif dan segar.
D	DINAMIK	Menjadi agen perubahan dalam memperbaiki dan menambah baik sistem sedia ada. Sentiasa bertenaga serta mampu membuat penyesuaian yang menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.
I	INTEGRITI	Melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan untuk kepentingan awam, tidak menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri berlandaskan nilai kejujuran dan ketulusan yang utuh dalam perkhidmatan.

ORGANISASI

EXCO PERTADI 2023-2025



Dari EDITOR



Assalamualaikum WBT dan Salam Universiti Watan.

Alhamdulillah dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah dan Rahmah-Nya, Buletin ILHAM PERTADI edisi 1/2024 ini berjaya diterbitkan dan bertemu sekali lagi untuk tatapan pembaca warga UKM. Salam hormat kepada semua pembaca Buletin ILHAM khususnya Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UKM yang dihormati.

Setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah khusus kepada Sidang Editor Buletin ILHAM PERTADI yang gigih dan berjaya menerbitkan edisi kali ini. Penerbitan Buletin ILHAM sejak tahun 1992 adalah sebagai wadah penyebaran maklumat aktiviti PERTADI di samping menyerlahkan bakat kakitangan UKM dalam bidang penulisan. Ini bagi menyokong hasrat UKM untuk terkehadapan dalam menjuarai pelbagai bidang. Buletin ILHAM PERTADI turut memaparkan pencapaian, kejayaan dan pengiktirafan ahli PERTADI pada tahun semasa.

Paparan Buletin ILHAM untuk edisi pada kali ini, menampilkan tema ILMU, MUTU dan BUDI. Pelbagai artikel menarik terutamanya mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan untuk dikongsi dengan semua ahli PERTADI. Istimewa edisi kali ini ialah buat pertama kalinya Buletin ILHAM PERTADI telah memperoleh nombor ISSN dari Perpustakaan Negara Malaysia.

Akhir kata, saya mewakili sidang editor merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan artikel untuk edisi kali ini. Semoga PERTADI dapat bergandingan bahu memberi komitmen terbaik bagi melonjakkan pencapaian UKM sebagai Universiti Watan Kita.

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Hormat,

Asmany Aza Ahmad

Ketua Editor

Buletin ILHAM PERTADI Sesi 2023-2025

ilhampertadi@ukm.edu.my

Sekapur Zirih

PRESIDEN PERTADI UKM



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Salam Kecemerlangan buat semua ahli Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Exco Penerbitan PERTADI dalam usaha menjayakan penerbitan Buletin ILHAM PERTADI ini. Semoga dengan terhasilnya Buletin ILHAM PERTADI ini, segala maklumat berkenaan program dan pencapaian warga UKM, khususnya kecemerlangan warga PERTADI, dapat kita sebarkan kepada semua.

Sepanjang 47 tahun PERTADI ditubuhkan pada 15 Ogos 1977, persatuan ini masih berdiri dengan nilai-nilainya yang relevan dengan pembangunan Universiti dan persatuan ini akan berusaha untuk mempromosikan nilai PERTADI kepada semua ahlinya, supaya setiap pegawai tadbir di UKM ini mempunyai semangat Universiti Watan yang sering disebut-sebut. Nilai Patriotisme, Empati, Responsif, Toleransi, Advokasi, Dinamik, dan Integriti ini menjadi asas kepada setiap pelaksanaan program dan inisiatif yang diambil oleh PERTADI untuk memperkasakan ahli-ahlinya.

PERTADI berharap agar persatuan ini mampu memupuk nilai kecemerlangan dan meningkatkan keterlihatan pegawai tadbir di UKM supaya bakat dan potensi mereka dapat dikembangkan demi kemajuan universiti. Insha-Allah, saya bersama barisan exco PERTADI, akan terus memastikan persatuan ini dikenali oleh setiap warga di dalam atau luar UKM, untuk memudahkan urusan jaringan kerjasama bersama pelbagai pihak. Saya juga menyambut baik usaha daripada mana-mana ahli PERTADI yang ingin bersama-sama menabur bakti dan menjayakan apa jua program yang dilihat sebagai bermanfaat dan berimpak tinggi kepada warga Pentadbir di UKM.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM yang setia bersama dengan persatuan ini tahun demi tahun, dan saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada semua ahli yang baharu mendaftar bersama persatuan ini.

Berlayar nakhoda elok kemudi,
Tinggi layarnya dihinggap helang;
Terima kasih Warga PERTADI,
Kembangkan potensi pentadbir cemerlang.

Akhir kata, semoga PERTADI mampu untuk menjadi wadah perpaduan dan platform kepada kemajuan dan kecemerlangan semua Pegawai Tadbir & Ikhtisas yang bernaung di bawah persatuan ini. Saya berharap agar PERTADI akan sentiasa keterhadapan dalam mendukung hasrat Universiti Watan untuk menjadi sebuah universiti yang cemerlang dan disegani di peringkat antarabangsa.

Tuan Haji Zanudin Mohd Daud

Presiden

Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM

Keikhlasan dan Ketelusan Teras Perkhidmatan di Universiti - Teh & Aziz



Hj. Abd. Aziz Kamil

Dalam ucapan balas Puan Teh Raqamah Abdullah, bekas Ketua Raqamah Abdullah, bekas Ketua Penolong Pendaftar Perhubungan Awam, beliau mengatakan sifat keikhlasan begitu penting dalam mengurus Universiti. Tidak berkira, bersungguh-sungguh serta menanamkan minat terhadap tanggungjawab yang diberikan merupakan antara ciri yang penting untuk menjadi seorang pengurus yang baik di Universiti. Beliau yang kini bertugas sebagai Pengurus Kanan Korporat di Universiti Terbuka Malaysia, memang sangat berminat dalam perhubungan awam dan sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkenaan. Beliau mengemukakan beberapa pandangan dan sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkenaan. Beliau mengemukakan beberapa pandangan dan sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkenaan.

Kandungan

- 1 Kekhlasan dan Ketelusan Teras Perkhidmatan di Universiti - Teh & Aziz
- 3 Kemahiran Bahasa Arab Suatu Nilai Tambah Dalam Dunia Kepustakawanan
- 4 Tanah Ini Bukan Milik Kita
- 5 Pelajari Sesuatu Dari Orang Lain
- 6 Kamera dan Album Digital: Mudah Tapi Bahaya
- 7 Langkah-Langkah Mengurangkan Tekanan di Tempat Kerja
- 10 Petua
- 11 Cuti Belajar
- 12 Warisan Ketamadunan Islam hancur bersama runtuhnya kegemilangan kota Baghdad

Kandungan

- 1 Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Tetap Penting - Naib Canselor
- 3 Taip Abu: dari DBP ke UKM
- 3 Basir Elon: Ikon Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UKM
- 4 Pemimpin Kredibel, Pemimpin Visioner
- 4 Klinik Asas Golf 2004
- 5 Pelan Integriti Nasional
- 7 Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Dalam Kemahiran Universiti
- 8 Saudara Hanafiah - Selamat Maju Jaya
- 8 Pembebasan Diri daripada Kemiskinan
- 9 Majlis Anugerah Kualiti 2003 dan Signifikannya buat Kita
- 9 Thuriyen Penerima Anugerah Kualiti
- 10 Berita PERTADI
- 11 Kelangsungan
- 12 Wawancara Kerja PERTADI 04 - 2006

Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Tetap Penting - Naib Canselor




Prof. Dato' Dr. Mohd. Salleh Mohd. Yasin

UKM telah hampir 35 tahun usianya. Banyak sekali ranjau, cabaran dan pahit manis yang telah dilalui. Imej Universiti Kampus Melayu telah lama berlalu. Kini kira-kira 98,000 orang graduan telah dihasilkan. Mereka bertebaran di seluruh pelosok negara dan antarabangsa. Dalam pembangunan negara, UKM dan para graduan telah berperanan dengan bentuk yang berbagai-bagai. Dalam segala perkembangan, kejayaan dan pembangunan UKM itu, pegawai tadbir dan ikhtisas Universiti ini telah menyumbang sama seperti ahli-ahli akademiknya. Demikian dinyatakan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Salleh Mohd. Yasin, Canselor sewaktu Mesyuarat Pendaftar dengan Penolong-Pendafatar pada 24 Ogos 2004.

Beliau telah menggariskan perkembangan yang sedang berlaku di UKM yang memerlukan komitmen sepenuhnya warga kampus terdapat dalam kelompok pegawai tadbir dan ikhtisas. Pada tahun 2004 UKM mempunyai 8,500 orang pelajar siswazah dan 600 orang adalah di peringkat doktoral. UKM juga kini turut terkenal dalam pengajaran dan kejuruteraan. Justeru beliau berharap, bidang-bidang lain yang membina kekuatannya untuk dikenali di peringkat antarabangsa.

Pentadbir juga Tiang Seri Universiti - Prof. Shamsul



Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin

Tiga kelompok utamalah yang mendokong kewujudan sesebuah Universiti. Komponen tersebut adalah ahli akademik dan pelajar, pegawai pengurusan dan profesional dan komponen pengguna dalam sektor awam, swasta dan komuniti. Meskipun komponen yang melaksanakan core business adalah komponen pertama tadi dari segi menjana dan menyebarkan ilmu, serta membekalkan asas profesionalisme kepada pelajar, namun tanpa sokongan komponen pegawai pengurusan dan profesional tentulah fungsi utama universiti itu tidak dapat berlangsung. Demikian dinyatakan dengan jelas oleh Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah ATMA/IKON sewaktu membentangkan pandangannya dalam forum yang diadakan dalam Seminar Keutuhan Pengurusan Universiti anjuran UKM/JALUMA pada 16-18 Februari 2005. (Artikel beliau dalam maudhuk yang berkaitan keutuhan pengurusan universiti telah disiarkan dalam Berita Harian, 17 Februari 2005).

Beliau menegaskan lagi, hebat bagaimanapun program dan tenaga akademiknya, tanpa sokongan dan dokongan tenaga tadbir yang kukuh, akan melemahkan prestasi Lulusan Universiti berkenaan. Analogi beliau adalah sebuah pementasan teater. Pengarahan, teknik lampu dan muzik, pengaturan prop dan selainnya secara komited, pementasan itu pastinya tidak akan berjaya. Ini bererti, sesebuah universiti memerlukan komuniti pentadbir yang berkualiti tinggi. Selain kelulusan dan pendedahan yang luas, struktur dan sistem tadbir yang sesuai ciri kualiti tinggi yang perlu dimiliki. Justeru beliau mengemukakan beberapa pandangan dan sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkenaan.

UKM PENDAULAT AMANAH NEGARA

Terus Mengorak Langkah Jadi Universiti Penyelidikan Tersohor di Peringkat Global

UKM amat menghargai mantan kakitangan yang pada suatu masa dahulu sebagai kumpulan perintis telah berkhidmat dengan susah-payah mencurahkan tenaga dan idea bagi membangunkan kecermerlangannya yang dapat dirasai pada masa kini. Sesuai dengan hasrat untuk melihat sebuah universiti kebangsaan menerajui pendidikan tinggi negara tercapai. Justeru, mewujudkan suasana akademik yang sesuai dengan perkembangan zaman dengan berkecenderungan yang bertekad terus berusaha pelbagai bidang.



Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali

Demikian antara Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Noor Azlan Ghazali, Canselor UKM.

Siswazah Wajah Universiti: Mantan Naib Canselor



Wajah adalah cerminan universiti dan institusinya. Dengan ini ia nakna citra universiti dan nya turut dibentuk oleh

Kandungan

- 1 Hari Keluarga PERTADI 2011 berjaya dianjurkan
- 2 Sidang Editor Ilham
- 4-8 Budaya Penulisan di Kalangan Pustakawan: Bilakah akan Bermula?
- 9-10 Pegawai Ikhtisas: Pelaksana atau Pemikir Kritis?
- 11-15 Transformasi Budaya Kerja di Universiti
- 16-19 Program Khidmat Masyarakat-Tautan Ilmu 2011: Pustakawan dan Masyarakat
- 20-21 Budaya Membaca dan Menulis di Kalangan Pegawai Ikhtisas
- 21 Pertandingan Menulis Esei PERTADI 2011
- 22-23 Kaunseling dalam Perspektif Islam
- 24-27 Peranan Pegawai Ikhtisas dalam Era Universiti Penyelidikan
- 28 Arkib Berita: PUSANIKA UKM dirasmikan



PERTADI telah menganjurkan Hari Keluarga PERTADI 10 April 2011 (Ahad) di Tasik Cempaka, Kompleks P1. Pelbagai hadiah menarik telah dimenangi oleh peserta yang terdiri daripada Ahli PERTADI dan lain-lain pegawai tadbir dan ikhtisas. Bagi mewujudkan keseronokan dan semangat beribadat, pertandingan menulis esei bertajuk 'Peranan Pegawai Ikhtisas dalam Era Universiti Penyelidikan' telah dianjurkan. Hadiah & Pertukaran Uthi Perolehan

Ulang Tahun Ke-35

Ulang tahun ke-35 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dirasmikan dengan majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks P1, UKM. Majlis ini dihadiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Najib Razak, Menteri Kanan Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Halimah Hasmah, dan beberapa tokoh masyarakat. Majlis ini bermula dengan pembacaan doa oleh Datuk Dr. Halimah Hasmah, Menteri Kanan Pendidikan Tinggi. Kemudian, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Najib Razak, menyampaikan ucapan selamat ulang tahun kepada UKM. Beliau mengucapkan tahniah kepada UKM kerana telah mencapai 35 tahun berkhidmat kepada negara. Beliau juga berharap UKM akan terus maju dan berkembang sebagai universiti yang terkemuka di peringkat antarabangsa.

AKTIVITI PERTADI JANUARI - JUN 2024



PROGRAM PENGUKUHAN BAKAT KEPIMPINAN DAN KESUKARELAWANAN
anjuran Persatuan Pentadbir
Universiti Putra Malaysia & MASTI,
18-19 Februari 2024

MESYUARAT EXCO PERTADI BIL. 1-2024
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM,
Bilik Majlis, Aras 5,
Bangunan Canselor UKM,
14 Mac 2024



LAWATAN PENANDAARASAN DARI UITM
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM, di
Pejabat Bahagian Sumber Manusia UKM,
22 Februari 2024



PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK PERTADI DENGAN KERJASAMA BANGUNAN PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (PPA)
anjuran Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM,
26 MAC 2024



SESI PERKONGSIAN MANTAN P&P SOHOR UKM SIRI 1 BEDAH BUKU: RAMPAI SARI DI PERSADA ILMUWAN
anjuran Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM,
4 Mac 2024



KURSUS REKA GRAFIK KREATIF MENGGUNAKAN APLIKASI CANVA
anjuran Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM,
3 Mei 2024



**MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN & JAMUAN RAYA
PERTADI UKM**
anjuran Persatuan Pegawai
Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM,
Dewan Persidangan Fakulti Sains
& Teknologi UKM,
8 Mei 2024



**BENKEL PENYUNTINGAN
ARTIKEL BULETIN ILHAM
PERTADI**
anjuran Exco Penerbitan,
Persatuan Pegawai Tadbir &
Ikhtisas (PERTADI) UKM,
Hotel Bangi Resort
3 Julai 2024



**ALBUM AKTIVITI PERTADI
JANUARI - JUN 2024**





Program Jati Diri Watan UKM (Siri 6) pada 16–18 Februari 2024 di Pusat Latihan Kenegaraan, Gunung Pulai, Johor

ILMU, MUTU DAN BUDI

Asas Jati Diri Warga UKM



oleh:
HARITH FARUQI SIDEK
Timbalan Ketua Pustakawan
PTSL, UKM

UKM telah mengangkat paduan Ilmu, Mutu dan Budi sebagai moto rasmi UKM yang baharu berkuatkuasa mulai 9 Februari 2024. Moto baharu ini akan menjadi asas kepada jati diri warga UKM yang terangkum para pelajar, pentadbir, pelaksana serta ahli akademik. Rangkaian maksud Ilmu, Mutu dan Budi ini membawa makna yang cukup sempurna dari menggambarkan identiti insan yang menggerakkan UKM serta insan yang dilahirkan melalui proses pembelajaran di UKM.

Jika ditoleh kepada jalur masa yang lalu, Ilmu, Mutu dan Budi ini merupakan asas kepada piagam Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang telah diperkenalkan mulai sesi 1982/83 sewaktu era Naib Canselor UKM yang ke-5, Allahyarham Profesor Emeritus Dr. Awang Had Salleh. Bagi memastikan moto ini kekal dan segar dalam penghayatan mahasiswa, sebuah lagu dengan judul yang sama turut dicipta. Lagu tersebut merupakan gubahan oleh Allahyarham Zubir Ali, mantan Pengarah Kebudayaan UKM dan pada masa yang sama masih aktif sebagai pengubah lagu, penyair serta pemuzik bersama Kumpulan Harmoni. Susunan lirik lagu ini diilhamkan oleh Allahyarham Tuan Haji Salleh Yusoff, Timbalan Pendaftar di Bahagian Hal Ehwal Pelajar, beliau juga merupakan mantan Setiausaha Kehormat PERTADI yang pertama.

Jika dihayati susunan bait-bait lirik lagu Ilmu, Mutu dan Budi, jelas harapan serta iltizam yang mahu diterapkan dalam diri mahasiswa UKM, namun harapan serta iltizam yang sama juga menjadi dokongan warga UKM secara keseluruhannya. Sehingga ke hari ini, lagu ini kekal dimainkan pada setiap kali sesi Konvokesyen UKM dan meninggalkan kesan sentimental kepada setiap golongan warga UKM. Menurut mantan Pendaftar UKM dan juga mantan Presiden Pertadi, Tuan Haji Abdul Razak Hussin sewaktu sesi perkongsian ilmu mantan P&P siri satu pada 4 Mac 2024, Ilmu, Mutu dan Budi ini juga merupakan moto rasmi UKM yang ketiga, iaitu selepas Zidni

Ilman dan Ilmu Memimpin yang pernah digunakan sebelum itu.

Hari ini Ilmu, Mutu dan Budi diangkat lebih tinggi lagi dengan mengiktirafnya sebagai moto rasmi UKM, menurut Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman dalam siri Sejenak Minda ke-18, dari semasa ke semasa, warga universiti perlu menghayati falsafah Ilmu, Mutu dan Budi yang kini menjadi asas dalam melonjak kecemerlangan UKM. Falsafah yang dengan jelas menghubungkan antara ILMU yang menjadi wahana kepada peradaban umat, ketinggian MUTU itu sebagai sasaran pencapaian dalam segenap bidang serta BUDI yang menjadi cerminan manusiawi yang memanfaatkan ilmunya demi kemakmuran masyarakat. Gagasan yang sama juga merupakan ramuan terbaik yang melakar identiti kebangsaan selain semangat yang membina UKM sedari mula, dari aspirasi rakyat yang mahukan sebuah institusi keILMUAN yang mengangkat bahasa melayu sebagai bahasa penghantar yang mempunyai daya serta MUTU yang mampu melahirkan graduan yang kelak akan berBUDI semula kepada masyarakat yang telah mengaspirasikan penubuhan UKM.

Diharapkan usaha bagi memperkasakan penghayatan warga UKM terhadap moto ini akan digiatkan lagi bagi memastikan keberkesanan fungsinya sebagai pencetus kecemerlangan warga UKM hari ini dan masa hadapan.

“Falsafah yang dengan jelas menghubungkan antara **ILMU** yang menjadi wahana kepada peradaban umat, ketinggian **MUTU** itu sebagai sasaran pencapaian dalam segenap bidang serta **BUDI** yang menjadi cerminan manusiawi yang memanfaatkan ilmunya demi kemakmuran masyarakat.”

Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor UKM



Pencipta lagu *Ilmu, Mutu dan Budi*, Allahyarham Zubir Ali yang merupakan mantan Pengarah Kebudayaan UKM



Allahyarham Tuan Haji Salleh Yusoff, mantan Timbalan Pendaftar (Hal Ehwal Pelajar) yang merupakan penulis lirik lagu *Ilmu, Mutu dan Budi*



Moto pertama UKM, 'Zidni Ilman' yang menghiasi logo sulung UKM yang digunakan mulai tahun 1970 hingga 1972. Logo beserta moto ini diilhamkan oleh Profesor Emeritus Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, beliau juga merupakan Dekan Fakulti Sastera yang pertama

Ilmu Mutu dan Budi

*Ilmu Mutu dan Budi
Itulah harga diri
Hidup siswa siswi
Harapan ibu pertinvi*

*Ilmu Mutu dan Budi
Itulah pelita hati
Asas pembina peribadi
Untuk menabur bakti*

*Itulah pegangan hidup kami
Sumber kekuatan rohani
Mutiar peradaban asli
Titian hidup abadi*

*Ilmu Mutu dan Budi
Itulah pusaka sejati
Menuju cita-cita murni
Semoga Tuhan memberkati*

*Penggubah : Zubir Ali
Lirik : Salleh Hj. Yusoff*



'Ilmu Memimpin' juga pernah menjadi moto rasmi UKM dan digunakan pada setiap bahan pameran, hebahan dan cenderamata

PERTADI IKTIRAF KEJAYAAN AHLI YANG CEMERLANG



oleh:
ChM. ATIAH AYUNNI ABDUL GHANI
Pegawai Sains Kanan
Pusat Kajian Toksikologi dan Risiko Kesehatan,
Fakulti Sains Kesehatan, UKM

Anugerah Pentadbir PERTADI 2023/2024, merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan yang diwujudkan untuk memberi motivasi kepada ahli yang terdiri daripada kakitangan kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P). Mereka ini telah menunjukkan kecemerlangan serta memberikan sumbangan besar terhadap pembangunan, pelaksanaan dan peningkatan dalam bidang pengurusan, dan teknikal yang menyumbang kepada kecemerlangan UKM dalam pelbagai bidang. Ini akan menggalakkan pertumbuhan personal dan profesional ahli, disamping menggalakkan perkongsian idea, inovasi, dan kecemerlangan dalam bidang tersebut. Anugerah ini juga dapat membina semangat persaingan sihat di kalangan individu yang bertanding untuk mendapatkan pengiktirafan yang membawa kepada peningkatan kualiti dan kecemerlangan universiti.

Majlis penyampaian Anugerah PERTADI 2023/2024 ini telah diadakan semasa Mesyuarat Agung Tahunan PERTADI dan Jamuan Raya PERTADI yang dihadiri seramai 150 orang ahli, pada 8 Mei

2024 bertempat di Dewan Persidangan Fakulti Sains & Teknologi (FST), UKM Bangi. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden PERTADI UKM Sesi 2023-2025 iaitu Tuan Haji Zanudin Bin Mohd Daud dan disusuli dengan ucapan perasmian oleh Tuan Haji Wan Mohd. Wazir Bin Wan Abdul Wahab selaku Presiden Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI).

Sebanyak 11 kategori anugerah dipertandingkan selari dengan Anugerah Pentadbir Gemilang Universiti Awam Malaysia 2024, yang dianjurkan oleh Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam (MASTI). Antara anugerahnya ialah, Anugerah Tokoh PERTADI, Anugerah Tokoh Terbilang PERTADI, Anugerah Tokoh Harapan PERTADI, Anugerah Penulisan Sains Sosial, Anugerah Penulisan Sains & Teknologi, Anugerah Penyelidikan Sains Sosial, Anugerah Penyelidikan Sains & Teknologi, Anugerah Inovasi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Anugerah Tadbir Urus Kreatif & Inovatif, Anugerah Khidmat Komuniti & Sukarelawan dan Anugerah Sukan & Rekreasi. Terdapat 2 Anugerah



Ucapan alu-aluan oleh Tuan Haji Zanudin Bin Mohd Daud, Presiden PERTADI Sesi 2023-2025



Ucapan perasmian oleh Tuan Haji Wan Mohd. Wazir Bin Wan Abdul Wahab, Presiden Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI).

Khas PERTADI yang diberikan iaitu Anugerah Khas PERTADI Sekalung Budi dan Anugerah Khas PERTADI Suri Teladan. Pemenang-pemenang anugerah ini berpeluang untuk dipilih sebagai calon untuk Anugerah Pentadbir Gemilang Universiti Awam Malaysia 2024 dan ia merupakan salah satu cara yang baik untuk menghargai usaha dan pencapaian ahli PERTADI bagi melonjakkan kualiti dan pencapaian pengurusan universiti secara keseluruhan.

Semua pemenang yang dipilih merupakan calon yang layak dalam kategori masing-masing berdasarkan prestasi, kelayakan dan sumbangan dalam bidang yang diceburi dan diharap dengan kejayaan ini akan menjadi contoh kepada ahli yang lain untuk terus cemerlang.



Pemenang bagi Anugerah Tokoh PERTADI, Anugerah Tokoh Terbilang PERTADI dan Anugerah Tokoh Harapan PERTADI



Pemenang bagi Anugerah Penyelidikan Sains & Teknologi, Anugerah Penyelidikan Sains Sosial, Anugerah Penulisan Sains & Teknologi dan Anugerah Penulisan Sains Sosial



Pemenang bagi Anugerah Sukan & Rekreasi, Anugerah Khidmat Komuniti & Sukarelawan, Anugerah Tadbir Urus Kreatif & Inovatif dan Anugerah Inovasi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat & Komunikasi

Senarai Nama Anugerah dan Pemenang bagi Anugerah PERTADI 2023/2024

NAMA ANUGERAH	NAMA PEMENANG	JAWATAN
Anugerah Tokoh PERTADI	Cik Rohaya Binti Omar	Ketua Pustakawan UKM
Anugerah Tokoh Terbilang PERTADI	Dr. Mohd. Azman Bin Abas	Pegawai Perubatan UD54
Anugerah Tokoh Harapan PERTADI	Kapt. Bersekutu (PA) Mohamad Shahril Bin Hussain	Jurutera J48
Anugerah Penulisan Sains Sosial	Puan Sri Yanti Binti Mahadzir	Pegawai Teknologi Maklumat F44
Anugerah Penulisan Sains & Teknologi	Puan Ku Adriyani Binti Ku Ayob	Pegawai Penyelidik Q44
Anugerah Penyelidikan Sains Sosial	Dr. Rosafizah Binti Mohamed Idrus	Pegawai Tadbir N52
Anugerah Penyelidikan Sains & Teknologi	Dr. Lim Choun Sian	Pegawai Penyelidik Q48
Anugerah Inovasi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat & Komunikasi	Encik Mohamad Mahathir Bin Amir Sultan	Pegawai Penyelidik Q44
Anugerah Tadbir Urus Kreatif & Inovatif	Puan Suraya Binti Abdul Hamid	Pegawai Kewangan W52
Anugerah Khidmat Komuniti & Sukarelawan	Encik Ahmad Zamri Bin Noordin	Pegawai Tadbir N48
Anugerah Sukan & Rekreasi	Encik Muhammad Aizuddin Bin Saharudin	Pegawai Tadbir N44
Anugerah Khas PERTADI (Sekalung Budi)	Tuan Haji Wan Mohd. Wazir Bin Wan Abdul Wahab	Presiden Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI)
Anugerah Khas PERTADI (Suri Teladan)	Yang Mulia Raja Shah Erman Bin Raja Arifin	Mantan Presiden Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) 2019-2023



Pemenang Anugerah bergambar bersama ahli PERTADI yang hadir sempena Mesyuarat Agung PERTADI 2024 dan Jamuan Raya PERTADI

KERJAYA

KERAPUHAN MAKNA KERJAYA PROFESIONAL GOLONGAN P&P EKOSISTEM KEILMUAN DAN PERKHIDMATAN DI IPTA



oleh:
DR. HUSYAIRI HARUNARASHID
Pegawai Perubatan
Jabatan Perubatan Kecemasan, HCTM, UKM

Perubahan zaman telah membawa kepada perubahan ketara dalam naratif dan maksud kerjaya dalam perjalanan kehidupan diri menelusuri cabaran zaman moden. Bagi konteks pemahaman am, erti kerjaya ini dibezakan dengan kerja yang mana kerjaya itu terdiri daripada sorotan pengalaman yang dilalui seseorang sepanjang kehidupannya dari mula bekerja sehinggalah ke persaraan. Ia bukanlah semata-mata kerja yang dilakukan untuk mencari pendapatan, tetapi bersangkut paut dengan pembangunan kemahiran dan potensi individu, selain menentukan halatuju kehidupan profesional. Perjalanan kerjaya yang berjaya dan bermakna memberi inspirasi kepada generasi seterusnya untuk terus berkecimpung dalam bidang kerjaya yang sama dan meneruskan perjuangan mengembangkan legasi bidang profesional tersebut. Inilah sebenarnya kepentingan memastikan sesuatu kerjaya itu sentiasa memberi makna mendalam kepada yang pemilihnya, selain daripada manfaat kepada diri sendiri.

Baru-baru ini, universiti tercinta kita ini telah menyambut ulang tahunnya yang ke-54, rata-rata melaung-laungkan kejayaan menjunjung bahasa kebangsaan dan warisan budaya dalam sektor pendidikan tinggi sebagai memenuhi aspirasi kewujudannya. Kita yang tergolong sebagai profesional bukan akademik yang bekerja dalam suasana universiti ini turut merasa bangga dan syukur dengan sumbangan kita dalam mencipta legasi gemilang, dan melahirkan graduan berwawasan yang berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Tetapi apakah benar pengalaman-pengalaman yang dilalui sepanjang menyertai keluarga universiti ini setelah sekian lama betul-betul telah memberi makna kepada legasi kerjaya profesional kita?

Hakikat sebenar kerjaya sebagai seorang profesional bukan akademik menjanjikan perkembangan kerjaya yang mendatar terhimpit tanpa pilihan sebenar (Flat career trajectory with little to no meaningful choices). Hatta walaupun enggan berdiam diri dan menerima sahaja ketetapan sekalipun,

perjalanan untuk mengubah nasib sendiri dalam ekosistem ilmu dan perkhidmatan pengajian tinggi awam ini akan sentiasa bertembung dengan perangkap konstruk sosial disabitkan kepada kedudukan diri dalam hierarki sosial persekitaran pekerjaan yang masih belum adil buat semua, belum terbuka, dan kurang inklusif. Tidak dinafikan ramai di kalangan P&P yang mula dan sudah mencapai tahap pengajian tertinggi sehingga ke peringkat PhD, aktif secara serius dalam berkarya dan menulis pelbagai artikel dalam jurnal-jurnal berwasit, serta diiktiraf kepakarannya di dunia luar. Namun mereka ini yang menunjukkan semangat dan inisiatif untuk memperbaiki diri ke kemuncak potensi seakan-akan dihukum dan kadangkala dicemuh kerana memegang impian hebat dan sanggup berbuat sesuatu bagi mencapainya.

Terkadang-kadang terlintas di fikiran apabila berseorangan memikirkan perancangan masa hadapan: "Apakah kejayaan dan peluang untuk mencapai kemuncak kerjaya ini hanya untuk golongan-golongan tertentu sahaja di menara gading ini?" Semestinya tidak, bukan? Cuma seringkali mungkin sukar untuk mencari hujah-hujah dan dalil-dalil yang kuat bagi memujuk diri untuk terus cecal berusaha mengembangkan kebolehan dan kemahiran diri.

Sebelum ini, saya pernah menulis dengan memberi amaran kepada rakan-rakan agar berhati-hati supaya tidak dipergunakan bagi manfaat melonjakkan kerjaya orang lain dengan menggunakan kepakaran yang bersusah payah diperkembangkan. Pada masa yang sama, kita perlu mencari ruang dan peluang untuk menyuntik kebahagiaan dan keceriaan dalam hidup kita berkerjaya. Harapan walau sekecil mana pun perlu disemai dan dipupuk, tatkala diri menjadi semakin sinis dan pasrah.

Ini bukanlah masanya untuk menuding jari dan menyalahkan orang. Inilah masa untuk tindakan bersama bagi mengubah keadaan. Jangan dibiarkan kelakuan dan tindakan yang dilihat kurang adil tidak dicabar dan dipersoalkan. Bukanlah menentang atau memberontak, tetapi hanya menegakkan hak dan

“...walaupun enggan berdiam diri dan menerima sahaja ketetapan sekalipun, perjalanan untuk mengubah nasib sendiri dalam ekosistem ilmu dan perkhidmatan pengajian tinggi awam ini akan sentiasa bertembung dengan perangkap konstruk sosial disabitkan kepada kedudukan diri dalam hierarki sosial persekitaran pekerjaan yang masih belum adil buat semua.”

kebenaran bila dicabar. Jangan dibiarkan rakan yang tertindas keseorangan; jangan dibiarkan layanan buruk kepada rakan P&P terlepas tanpa teguran; jangan dibenarkan maruah profesional dan diri dipijak dan diruntuhkan. Eratkan hubungan dan perpaduan sesama P&P dan tunjukkan keberadaan kita yang sama penting dalam menaikkan darjat universiti watan ini ke tahap yang lebih tinggi. Terjunamnya golongan P&P, maka terjunamnya juga universiti dan sebaliknya. Dalam masa berbaki tempoh kerjaya di universiti watan ini, teruskan usaha menerobos halangan-halangan yang tersedia bagi menyerlahkan potensi sebenar anda ke kemuncaknya.

Bagi merealisasikan keterserlahan ketumbuhan golongan P&P dalam pembangunan syumul UKM, kita harus bersama-sama berusaha untuk membangunkan satu dasar pengurusan P&P di peringkat UKM yang berkesan dan inklusif, mengambil kira hak kepada perjalanan kerjaya yang bermakna dan membolehkan penyerlahan potensi termasuk membuka peluang-peluang kepada kepimpinan projek dan geran, sokongan penyelidikan dan penerbitan, dan akses kepada peluang-peluang latihan dan perkembangan kemahiran yang terbuka. Kita juga perlu berusaha untuk menguatkan rangkaian dan hubungan sesama golongan profesional rentas disiplin, baik di dalam malah di luar kampus. Kita perlu mencari penyelesaian tuntas dalam merungkai semula sistem penilaian dan imbuhan (assessment and reward system) yang khusus dan sesuai bagi golongan profesional bukan akademik, dan bukan sekadar bersandarkan kerangka penilaian staf akademik dan keperluan MyRA semata-mata. Cabaran-cabaran ini bukanlah mudah dan bukan hanya bagi peringkat pengurusan sahaja untuk ditangani. Marilah bersama-sama kita gembungkan tenaga dan kepakaran, dan salurkan keresahan dan perasan geram kepada sesuatu yang positif dan bermakna agar harapan dan pilihan, walaupun tipis, tidak akan hilang dan tenggelam dalam kemurungan berpanjangan.

Ilham Pemimpin

Wahai pemimpin, sinar petunjuk hati.
Engkau pelita di malam kelam.
Integritimu bagai bintang pagi.
Menerangi jalan yang suram.

Di atas bahumu amanah terbeban.
Mengalir jujur di setiap bicara.
Tanpa integriti, apalah maknanya pemimpin.
Hanya bayang-bayang kosong di angkasa raya.

Tatkala badai cabaran melanda.
Engkau tetap tegar, takkan tergugah.
Kebenaran dan keadilan jadi pelita.
Di sanubarimu tiada keluh kesah.

Lidahmu tidak berdusta.
Tanganmu tidak meraba rasuah.
Hatimu ikhlas setia.
Menjunjung amanah tanpa resah.

Integritimu tembok yang kukuh.
Kepimpinanmu perisai yang teguh.
Di medan perang atau di dewan damai.
Engkau tetap luhur, tiada berganjak.

Wahai pemimpin sejati.
Bawalah kami ke puncak murni.
Dengan integriti yang tiada bertepi.
Menjadi contoh teladan abadi.

Kepimpinan bukan sekadar kuasa.
Tetapi tanggungjawab yang luhur dan mulia.
Dengan integriti sebagai teras jiwa.
Membina negara, membentuk bangsa.

Nukilan:

Rajan Munusamy
Ketua Pentadbiran
Unit Integriti & Ombudsman
29 Mei 2024

KERJAYA

PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI CEO@FACULTY DI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



oleh:
ANTHONY ULEK ANAK JETI
Pegawai Tadbir N48
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)

Encik Anthony Ulek Anak Jeti dari Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum UKM, telah terpilih salah seorang peserta Program Sangkutan di Industri (Fasa 2) di bawah *CEO@Faculty Programme*. Beliau ditempatkan di Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya selama enam bulan mulai 1 Disember 2022 sehingga 31 Mei 2023.

CEO@Faculty (CFP) merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia bagi menyokong aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dalam menghasilkan bakat yang cemerlang. Program Sangkutan di bawah *CEO@Faculty Programme* merupakan program yang memberi tumpuan kepada penerapan unsur-unsur kepimpinan di peringkat universiti dalam kalangan pensyarah muda (kelulusan PhD) dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dalam mempersiapkan diri sebagai pemimpin yang akan menerajui pengurusan tertinggi dan jawatan-jawatan strategik universiti pada masa hadapan. Para pensyarah dan kumpulan P&P ini akan ditempatkan di organisasi CEO selama enam bulan bagi memberi peluang mengikuti dan mempelajari pengoperasian sesebuah syarikat atau agensi serta mendalami ilmu kepimpinan CEO.

Bagi mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) program sangkutan, terdapat tiga tugas utama yang perlu dilaksanakan dan seperti berikut:

- 1 **KPI Individu** – Mengetahui pasti satu masalah kritikal di universiti dan mencadangkan penyelesaian kepada masalah tersebut berdasarkan pengetahuan dan pengalaman daripada industri.
- 2 **KPI Universiti** – Mengatur sesi perkongsian ilmu oleh peserta dengan staf universiti dan menempatkan peserta di jawatan strategik; dan
- 3 **KPI Batch** – Melaksanakan satu projek *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang berimpak tinggi bersama syarikat atau agensi dan satu penerbitan (contoh *coffee table book*, Projek CSR, dll)

“Program Sangkutan Industri CEO@Faculty memberi tumpuan kepada penerapan unsur-unsur kepimpinan peringkat universiti di kalangan pensyarah muda dan kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam mempersiapkan diri sebagai pemimpin yang akan menerajui pengurusan tertinggi dan jawatan-jawatan strategik universiti pada masa hadapan.”

Di Kementerian berkenaan, saya ditempatkan di Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan. Bahagian ini terdiri daripada tiga sektor iaitu Sektor Komersial, Sektor Strategik & Am dan Sektor Tadbir Urus Korporat. Saya ditempatkan di Sektor Tadbir Urus Korporat di bawah seliaan YBhg. Datuk Rosli Bin Yaakub, Timbalan Setiausaha Bahagian Sektor Tadbir Urus dan Pemantauan.

Objektif utama Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan ini adalah untuk memastikan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (SMKD) menjalankan aktiviti-aktiviti yang selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Manakala, Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 (Pindaan 1989). Dua fungsi utama Sektor Tadbir Urus Korporat iaitu:

- Pertama:** mengkaji, merangka dan melaksanakan penstrukturan semula organisasi dan kewangan syarikat, penggabungan, pengambilalihan dan rasionalisasi syarikat.
- Kedua:** memantau dan memastikan amalan tadbir urus syarikat MKD adalah teratur.

Pada masa ini, terdapat 157 buah syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan. Ada dua kategori syarikat iaitu Syarikat Pegangan Majoriti, maksudnya pegangan saham kerajaan dalam syarikat adalah 50% dan ke atas dan satu lagi ialah syarikat pegangan saham khas. Antara contoh syarikat pegangan majoriti adalah seperti PETRONAS, MRT, Indah Water, KTM dan sebagainya. Contoh syarikat pegangan saham khas, Pos Malaysia, Malaysia Airlines, Tenaga Nasional, HICOM dan sebagainya.

Saya berterima kasih kepada UKM (IKOM khususnya), Jabatan Pengajian Tinggi KPT dan Kementerian Kewangan kerana memberi peluang kepada saya mengikuti program sangkutan di Industri ini. Selaras dengan objektif dan KPI program ini, program ini sedikit sebanyak memberikan manfaat kepada saya secara peribadi, antaranya;

- Saya berpeluang mempelajari unsur-unsur kepimpinan, pengalaman dan pengetahuan secara bimbingan peribadi oleh kepimpinan tertinggi agensi;
- Saya sedikit sebanyak mempelajari proses tadbir urus korporat syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan; dan
- Saya juga berpeluang menimba pengalaman menjalinkan kolaborasi bersama industri, contohnya berkolaborasi dan bekerjasama dengan Syarikat PBLT Sdn Bhd, satu program yang kita anjurkan bersama ialah melaksanakan program Corporate Social Responsibility (CSR). Program CSR ini menyalurkan bantuan kebajikan Tunai Rahmah kepada penduduk Orang Asli di Kampung Kolam Air Bangkong, Dengkil Selangor.



Program CEO@Faculty 2.0 : Coached By The Pros

Prof. Madya Dr. Sabariah Mohd Salleh FSK UKM
 Dr. Ahmad Razi عثمان FRAB UKM
 Dr. Habsah Aziz HCTM UKM
 En. Anthony Uwek Anak Jeti Pengajaran-UKM
 Dr. Azlin Alisha Ahmad PPI UKM

YBhg. Tan Sri Dr. Anthony Francis Fernandes Chief Executive Officer AirAsia Group
 YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Jabatan Perkhidmatan Awam
 YBhg. Dato' Seri Asri bin Hamidon Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
 YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial



KERJAYA

SAMBUTAN HARI ARKIB ANTARABANGSA DAN HARI PUSTAKAWAN PERINGKAT UKM 2024



oleh:
SITI WAHIDA AMANULLAH
 Pustakawan Kanan
 PTSL



RUZITA KAMIS
 Pustakawan Kanan
 PTSL



Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat Perpustakaan UKM buat julung kalinya diadakan pada 6 Jun 2024 yang juga adalah Hari Pustakawan Malaysia. Bersempena dengan hari yang sinonim dengan profesion kepustakawanan ini, Perpustakaan UKM meraikannya dengan pengisian aktiviti yang menjurus kepada sesi perkongsian ilmu dan pengalaman daripada mantan pustakawan menerusi Forum Memoir Pustakawan UKM. Ahli panel forum ini terdiri daripada Puan Miskiah Ahmad, Perpustakaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (PHCTM), Puan Maimunah Kadir, Perpustakaan Undang-Undang (PUU), Puan Aripah Mohamed, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) dan Puan Ramlah Hj Khalid, PTSL. Moderator bagi forum ini pula adalah Encik Harith Faruqi Sidek, Timbalan Ketua Pustakawan, PTSL. Forum ini mengupas perjuangan mantan-mantan pustakawan dalam membangun koleksi perpustakaan di awal penubuhan sehingga kini menjadi khazanah ilmu yang bernilai. Kesukaran dan kesungguhan mantan-mantan pustakawan bersama kakitangan perpustakaan ketika itu diharap menjadi sumber inspirasi kepada generasi pustakawan masa kini untuk meneruskan legasi dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti.



Perpustakaan juga turut menjemput kesemua mantan pustakawan dan kakitangan Perpustakaan UKM yang berkesempatan untuk sama-sama meraikan sambutan ini. Mengambil ruang dan peluang melalui pengumpulan bahan arkib seperti dokumen, gambar lama, peralatan artifak dari perpustakaan dan siji pengiktirafan daripada kalangan mantan yang hadir. Malahan kesemua mantan diberi peluang untuk memberi input dari segi nama program atau acara

berdasarkan gambar lama yang dipamerkan menerusi sesi Secebis Ingatan, Sejuta Kenangan. Selain daripada itu, sambutan turut diserikan dengan "Pertandingan Pustakawan Terpaling" yang menyaksikan pelbagai kategori yang dipertandingkan seperti Pustakawan Terpaling Sensasi, Terpaling Tegas, Terpaling Karisma, Terpaling Sporting dan Ceria. Acara turut diiringi dengan persembahan secara langsung daripada Kumpulan Kugiran D'Langang yang terdiri daripada kakitangan Perpustakaan UKM.

Suasana meriah diteruskan pada sesi petang menerusi acara Borak Petang Bersama Cik

“...mengupas perjuangan mantan-mantan pustakawan dalam membangun koleksi perpustakaan di awal penubuhan sehingga kini menjadi khazanah ilmu yang bernilai”

Rohaya Umar, Ketua Pustakawan UKM menerusi sesi Di Sini Ilmu Disemai, Di Sinilah Bakti Dituai. Sesi ini dikendalikan secara santai oleh Encik Muhammad Hazriq Ghazali, Pustakawan UKM selaku moderator. Nasihat kepimpinan, harapan, pengalaman, dan kasih sayang yang disalurkan oleh Ketua Pustakawan UKM menerusi sesi ini akan menjadi kenangan untuk semua warga Perpustakaan UKM. Dendangan lagu Sedetik Lebih dan Hanya Rindu yang merupakan lagu kesukaan Ketua Pustakawan UKM menjadi selingan program dan menciptakan memori indah sepanjang bertugas di Perpustakaan UKM.



Pantun Ulam-Ulaman

(Sempena sesi Bicara Ilmu@PTSL Siri 10. Ulasan Buku Penerbit UKM, *Malaysian Ulam: The Natural Brain Food*)

Ulam raja pucuk mengkudu
Daun selom bunga betik
Ulam-ulaman warisan Melayu
Banyak khasiat untuk diselidik

Siram bunga mekar di taman
Kembang sekuntum cantik menawan
Ulam raja menjadi pilihan
Merangsang minda meningkat ingatan

Cicah budu dan sambal belacan
Sajian mesti pembuka selera
Makan ulam jadikan amalan
Bukan kepalang khasiat yang ada

Makan ulam usah ditinggalkan
Warisan bonda sepanjang zaman
Kelak beruntung di masa hadapan
Beroleh kesihatan mendapat ketenangan

Nukilan:
Hazmir Hj. Zainal
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM
21 Mei 2024

PSIKOLOGI

FOMO

KETAKUTAN MODEN YANG KITA SEMUA HADAPI



oleh:
SHERIN BINTI SOKMUM
Pegawai Pemulihan Perubatan
Unit Terapi Pertuturan, Jabatan Perkhidmatan
Pemulihan Perubatan, HCTM

F O M O

FEAR OF MISSING OUT

“Apabila anda tidak membenarkan diri anda memberi tumpuan kepada satu-satu perkara, anda akan kehilangan peluang untuk benar-benar memahami dan menguasai sesuatu.”

Kenali FOMO

Apa Itu FOMO? FOMO atau "Fear of Missing Out" adalah ketakutan untuk terlepas dari sesuatu yang penting atau menarik. Ia merupakan satu perasaan resah yang timbul apabila kita merasa bahawa orang lain sedang menikmati pengalaman atau peluang yang lebih baik, dan kita tidak mahu ketinggalan mengikutinya. FOMO sering kali mengganggu keputusan mahupun ketetapan seharian kita dan boleh menyebabkan kita sentiasa merasa tidak puas dengan kehidupan sendiri.

Apakah antara Situasi yang Boleh Dikaitkan dengan FOMO?

- 1 Menghadiri Acara Sosial**
Melihat hantaran di media sosial tentang pesta atau acara yang dihadiri oleh ramai orang, seseorang merasa terpaksa untuk menghadiri acara tersebut walaupun sebenarnya dia lebih suka berada di rumah. Rasa takut terlepas dari keseronokan menyebabkan dia membuat keputusan tersebut.
- 2 Membeli Produk Terbaru**
Ketika ramai orang memuat naik gambar mereka dengan telefon pintar model terbaru, seseorang merasa perlu untuk membeli model telefon tersebut walaupun telefon yang dimilikinya masih berfungsi dengan baik. Tekanan sosial untuk memiliki barang terbaru menyebabkan keputusan membeli menjadi tergesa-gesa.

3 Memilih Kerjaya

Setelah melihat rakan-rakan sebaya mendapatkan pekerjaan di syarikat-syarikat terkenal, seseorang merasa perlu untuk mencari pekerjaan serupa walaupun dia sebenarnya puas dengan pekerjaan semasa yang sesuai dengan minatnya. Keputusan ini dibuat hanya untuk tidak ketinggalan dari segi status kerjaya.

4 Mengikuti Trend Kecergasan

Ketika ramai orang di sekeliling mulai mengikuti kelas yoga atau pilates dan memuat naik hantaran tentang hasilnya di media sosial, seseorang merasa harus juga menyertai kelas tersebut walaupun dia tidak berminat atau selesa dengan jenis latihan itu. Dia mengikuti trend semata-mata kerana takut dianggap tidak ikut serta dalam gaya hidup sihat.

5 Melabur dalam Peluang Pelaburan

Mendengar ramai orang berbicara tentang keuntungan besar daripada pelaburan dalam mata wang kripto, seseorang merasa terdesak untuk melabur dalam kripto tanpa melakukan penelitian yang mencukupi. Ketakutan untuk ketinggalan peluang besar menyebabkan keputusan pelaburan yang tidak bijak dan berisiko.

Situasi-situasi ini menunjukkan bagaimana FOMO boleh mempengaruhi keputusan dan tindakan seseorang, sering kali mengakibatkan penyesalan atau hasil yang tidak memuaskan.

Kesan FOMO

Jika tidak dikawal, FOMO boleh memberi kesan seperti :

- 1 Anda membuat keputusan hanya berdasarkan persaingan. Anda mungkin membuat pilihan hanya untuk menyaingi orang lain, bukan kerana itu adalah yang terbaik untuk anda. Ini sering kali berlaku dalam persekitaran media sosial di mana kita melihat kehidupan orang lain yang nampak lebih sempurna.
- 2 Anda sentiasa berada dalam lingkungan perbandingan sosial di mana anda membandingkan diri dengan orang lain secara berterusan. Impaknya adalah anda akan merasa rendah diri dan iri hati yang berlebihan terutamanya apabila anda menganggap hidup orang lain adalah lebih baik, tiada masalah dan lebih bernasib baik daripada anda. Anda terdorong untuk bertindak tanpa cukup informasi atau logik. Keputusan yang diambil adalah secara tergesa-gesa dan tidak berlandaskan fakta yang cukup dan tepat.
- 3 Anda cenderung untuk membuat keputusan tanpa memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Tindakan yang diambil semata-mata dipengaruhi oleh tekanan sosial tanpa anda fahami atau ingini ianya berlaku. Ini boleh menyebabkan anda terjebak dalam situasi yang tidak menguntungkan malah mungkin boleh merosakkan pelbagai pihak.
- 4 Anda akan berharap kepada hasil yang tidak realistik dimana anda berfikir bahawa segalanya akan dicapai dengan mudah dan cepat. Keadaan ini boleh menyebabkan kekecewaan dan jika melarat boleh membawa kepada depresi. Anda menyangka bahawa anda akan mencapai kejayaan menyerupai orang lain tanpa mengetahui usaha yang diperlukan untuk mencapainya.



Cara Menguruskan FOMO

Justeru itu, adalah baik sekiranya kita mengetahui bagaimana cara untuk mengatasi FOMO. Untuk mengatasi FOMO, penting untuk kita mengenali tandatandanya dan belajar untuk mengendalikannya iaitu :

- 1 Anda perlu menyedari FOMO anda dan tanya pada diri "Adakah saya mengalami FOMO? Tertekan dengan keputusan yang diambil? Apakah faktor yang mempengaruhi saya membuat keputusan ini?"
- 2 Mempertimbangkan manfaat yang akan diterima bagi setiap keputusan yang dibuat. Tidak hanya fokus kepada peluang yang ada, tetapi juga memikirkan apa kehilangan yang akan anda alami.
- 3 Beri masa untuk berfikir dan tidak terburu-buru dalam mengambil keputusan. Tindakan yang dilakukan dengan tergesa-gesa sering kali membawa kepada penyesalan.
- 4 Memberi fokus kepada tujuan jangka panjang untuk memperoleh kejayaan yang memerlukan kesabaran dan komitmen.
- 5 Menghargai dan bersabar dengan proses kerana untuk mencapai kejayaan bukan hanya menunggu hasil semata-mata.

Mengapa Penting untuk Mengatasi FOMO?

Jika kita terus-menerus melompat daripada satu perkara ke perkara yang lain kerana takut ketinggalan, kita tidak akan dapat mencapai apa-apa. Begitu juga dalam kehidupan, fokus pada satu-satu tujuan hingga selesai adalah lebih efektif daripada terus-menerus berpindah-randah. Apabila anda tidak membenarkan diri anda memberi tumpuan kepada satu-satu perkara, anda akan kehilangan peluang untuk benar-benar memahami dan menguasai sesuatu. Ini boleh mengurangkan nilai diri anda kerana anda mungkin mula merasa bahawa anda tidak boleh mencapai apa-apa. Ini juga boleh membuat anda lebih mudah terpengaruh dengan janji-janji atau harapan yang tidak realistik. FOMO boleh dianggap sebagai musuh kepada kemajuan dan kejayaan. Dengan menyedari dan mengendalikan FOMO, anda boleh membuat keputusan yang lebih baik, lebih bijaksana, dan lebih selaras dengan tujuan hidup anda. Dengan menunggu dan menilai keputusan secara lebih seimbang, anda boleh mencapai hasil yang lebih memuaskan dan berkelanjutan. Setiap tindakan mempunyai tindak balas yang sama dan bertentangan. Oleh itu, penting untuk mengambil masa, mempertimbangkan semua aspek dan membuat keputusan yang berdasarkan kepada penilaian yang matang. Jangan biarkan ketakutan menghalang anda daripada mencapai potensi dalam diri anda.

SAINS & TEKNOLOGI

MEMBUDAYAKAN KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM RUTIN SEHARIAN PENTADBIR UNIVERSITI



oleh:
SAIFUL AZRUL CHE LAH
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
Bahagian Teknologi Maklumat Kampus Kuala Lumpur



Bukan lagi rahsia, perkembangan pesat teknologi terkini ditunjangi oleh fenomena kecerdasan buatan (AI). Impak yang dihasilkan oleh AI adalah amat besar serta sebagai salah satu alatan yang memacu pelbagai sektor ke arah yang lebih berdaya saing. Menjadi bualan umum dan topik perbincangan hangat dewasa ini dan adalah amat rugi jika kita sebagai pentadbir universiti hanya menjadi pemerhati.

Cabaran yang dilontarkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika melancarkan inisiatif AI untuk rakyat (ai.gov.my), perlu disambut oleh kita sebagai pentadbir universiti memandangkan kita adalah penggerak kepada universiti yang akan menjadi peneraju dalam bidang AI di Malaysia. Sebagai permulaan, kita boleh mendapatkan lencana *AI Aware* dan *AI Appreciate*. Ini sebagai langkah pemula untuk pentadbir universiti menerjah masuk dalam dunia AI yang penuh dengan kejutan teknologi.

Bermula dengan pemahaman AI tersebut, sebagai pentadbir universiti kita perlu bergerak ke hadapan dengan memahami aspirasi kerajaan dalam bidang AI dengan menela Hala tuju kecerdasan Buatan Kebangsaan (airmap.my). Pemahaman dalam hala tuju kerajaan amat penting bagi memastikan kita sebagai pentadbir universiti dapat bergerak seadeg dengan aspirasi kerajaan agar segala perancangan yang diatur dapat direalisasikan.

Seterusnya menjadikan *chatbot* AI sebagai rakan baik adalah langkah bijak bagi memastikan kita terus bersama dalam arus kepesatan AI. Sama ada ChatGPT, Google Gemini, Copilot dan aplikasi *chatbot* AI yang lain, ia akan banyak membantu kita menerobos kerumitan tugas seharian pentadbir universiti yang semakin mencabar terutamanya bagi pentadbir dalam bidang teknikal seperti teknologi maklumat dan kejuruteraan.

Lebih baik, andai dapat melanggan aplikasi AI berbayar

kerana ia dapat memberi nilai tambah yang lebih bermakna dalam tugas seharian sekali gus meningkatkan kualiti produktiviti pentadbir universiti ke tingkat yang lebih tinggi. Sebagai pentadbir universiti, kita tidak perlu takut untuk bergelumang dengan aplikasi aplikasi AI kerana jika kita tidak turut serta dalam arus ini, kita akan ketinggalan jauh dalam serba serbi aspek pentadbiran.

Sudah pasti dalam usaha membudayakan kecerdasan buatan dalam rutin seharian pentadbir universiti terdapat banyak cabaran yang perlu dilalui. Kerajaan telah membangunkan polisi dan juga etika AI bagi memastikan kemajuan AI ini tidak dihala ke arah yang salah serta mengancam nilai serta norma kehidupan manusiawi. Kerangka etika dan tadbir urus AI akan diluncurkan pada tahun 2024 ini bakal menjadi panduan kepada kita untuk memanfaatkan AI dalam ruang lingkup yang sepatutnya.

Membudayakan AI dalam tugas seharian pentadbir universiti adalah amat penting bagi memastikan kita sentiasa relevan dalam dunia yang semakin diambil alih oleh AI, apatah lagi Malaysia ketika ini adalah negara kedua dari segi Indeks Ketersediaan Kecerdasan Buatan di Asia Tenggara dan ke-23 dunia. Sesungguhnya ia menuntut kita sebagai pentadbir universiti terus menempatkan diri dalam posisi sepatutnya untuk mengharungi kepesatan dunia AI.

Ada alatan AI (*presentation.ai*) yang dapat membantu kita menyediakan persembahan yang lebih mantap, ada juga alatan AI (*midjourney*) yang dapat membantu kita mereka bentuk grafik yang lebih kemas dan ada juga alatan AI (*sora.ai*) yang boleh menjana video atau montaj yang setanding dengan penerbit filem Hollywood! Jangan risau dengan ledakan dunia AI. Marilah kita bersama dalam denyut nadi perubahan ini agar kualiti kita sebagai pentadbir universiti dapat ditingkatkan. Budayakan AI dalam rutin seharian kita.



BAHAN KIMIA

KAWALAN KESELAMATAN DI DALAM MAKMAL

oleh:



ChM. ATIAH AYUNNI ABDUL GHANI
Pegawai Sains Kanan
Pusat Kajian Toksikologi & Risiko Kesehatan
Fakulti Sains Kesehatan



MOHAMAD MAHATHIR AMIR SULTAN
Pegawai Penyelidik Kanan
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)




ChM. SHARIFAH NURAIN SYED NASIR
Pegawai Sains Kanan
Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) merupakan akta yang diwujudkan bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja agar terlindung daripada bahaya. Akta ini dan peraturan-peraturan dibawahnya terguna pakai di semua tempat kerja termasuk penggunaan bahan kimia di dalam makmal. Penggunaan bahan kimia di tempat kerja adalah dikawal selia di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000. Peraturan ini juga sering dikenali sebagai USECHH 2000 yang menjadi asas utama di dalam kawalan keselamatan bahan kimia di tempat kerja.


Didalam konteks universiti penyelidikan, makmal merupakan satu elemen yang penting di dalam proses pembelajaran dan penyelidikan terutama dalam bidang sains dan teknologi. Aspek keselamatan bahan kimia menjadi satu keutamaan yang sentiasa dititikberatkan bagi memastikan keselamatan pengguna makmal, di samping membudayakan aspek keselamatan makmal kepada pelajar-pelajar yang bakal menjadi ahli profesional pada masa hadapan. Aktiviti pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan yang dijalankan, memberikan penekanan di dalam pematuhan amalan, prosedur dan protokol yang selamat dan disarankan untuk meminimumkan risiko kemalangan dan kecederaan yang diakibatkan oleh pendedahan kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan dalam persekitaran makmal.

Merujuk kepada Peraturan USECHH 2000, terdapat tiga elemen terpenting bagi kawalan pendedahan kepada bahan kimia di tempat kerja iaitu: kawalan teknikal,

kawalan pentadbiran dan kesiapsiagaan tindakan kecemasan. Strategi kawalan teknikal yang diambil perlu merujuk kepada hierarki kawalan seperti di dalam Rajah 1. Selain daripada kawalan teknikal, pengurusan makmal perlu melaksanakan kawalan-kawalan pentadbiran dan langkah kesiapsiagaan tindakan kecemasan untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan bahan kimia di makmal. Rajah 2 menunjukkan perkara utama dalam tiga elemen kawalan pendedahan kepada bahan kimia di tempat kerja dan Jadual 1 adalah langkah-langkah



Rajah 1: Hierarki Kawalan



Rajah 2: Tiga Elemen Kawalan Keselamatan Bahan Kimia

Jadual: Langkah-langkah kawalan yang perlu diamalkan di makmal universiti

1 KAWALAN TEKNIKAL (TECHNICAL CONTROL)	2 KAWALAN PENTADBIRAN (ORGANISATIONAL CONTROL)	3 KESIAPSIAGAAN TINDAKAN KECEMASAN (EMERGENCY RESPONSE PREPAREDNESS)
<p>A. Penghapusan dan Penggantian</p> <ul style="list-style-type: none"> Menghapuskan penggunaan bahan kimia tersebut atau menggantikan bahan kimia yang berbahaya (risiko tinggi) kepada yang kurang bahaya (risiko rendah). <p>B. Pengasingan atau Pegepungan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengasingan dibuat dengan melakukan pemisahan jarak atau pemasangan penghalang fizikal untuk proses kerja atau bahan kimia berbahaya kepada pengguna. Pengepungan dibuat terhadap pengendalian proses kerja dan bahan kimia berbahaya yang boleh menghalang atau meminimumkan pelepasan bahan kimia ke dalam kawasan kerja. <p>C. Kawalan Kejuruteraan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan dan pengujian kebuk wasap dan kipas ekzos secara tahunan oleh Juruteknik Higen II (tidak melebihi dari 12 bulan). Pemeriksaan berkala kebuk wasap oleh kakitangan secara bulanan (tidak melebihi dari 1 bulan). <p>D. Kelengkapan Pelindung Diri (PPE)</p> <ul style="list-style-type: none"> PPE yang digunakan hendaklah: <ol style="list-style-type: none"> Merujuk kepada helaian data keselamatan (SDS). Sesuai dengan jenis kerja yang dilakukan. Padan dan muat dengan pengguna. Tidak memudaratkan pengguna. Bekalan mencukupi dan mudah didapati. Mendapat kelulusan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP). 	<p>A. Penggunaan Sistem & Amalan Kerja Selamat</p> <ul style="list-style-type: none"> Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UKM yang terkini dipamerkan. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) diwujudkan. Akses ke dalam makmal dihadkan untuk kakitangan/pengguna yang diberi kuasa sahaja. Prosedur operasi piawai bagi pengendalian bahan kimia di makmal diwujudkan. Pemeriksaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dilakukan sekurang-kurangnya 4 kali setahun mengikut keperluan ROSH-UKM. Jika PPE digunakan untuk mengawal pendedahan bahan kimia, tatacara tentang pengeluaran, penyelenggaraan, pemeriksaan dan latihan penggunaan PPE perlu diberikan kepada pengguna bahan kimia. <p>B. Maklumat, Arahan dan Latihan</p> <ol style="list-style-type: none"> Daftar Bahan Kimia <ul style="list-style-type: none"> Daftar bahan kimia mudah dicapai, dikemaskini dan mempunyai maklumat yang lengkap disediakan. Helaian Data Keselamatan (SDS) <ul style="list-style-type: none"> Helaian data keselamatan untuk semua bahan kimia tersedia di makmal dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Mudah dicapai sama ada dalam bentuk salinan lembut atau salinan keras. SDS adalah dalam tempoh terkini (tidak melebihi 5 tahun). Pelabelan & Pelabelan Semula <ul style="list-style-type: none"> Semua bahan kimia perlu mempunyai label dan label tidak boleh ditanggalkan, dirosakkan, diubahsuai dan dipinda. Apabila bahan kimia dipindahkan ke suatu bekas lain, ianya perlu dilabel semula dengan nama kimia atau nama dagangan sebagaimana pada label asal. Buangan terjadual (SW) perlu dilabelkan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Tanda Amaran <ul style="list-style-type: none"> Tanda amaran bahaya bahan kimia diletakkan di makmal. Ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dicetak dengan warna merah gelap berlatar belakang putih. Latihan <ul style="list-style-type: none"> Latihan tentang keselamatan kimia diberikan kepada pengguna bahan kimia seperti kursus pengendalian tumpahan bahan kimia, pengurusan buangan terjadual, latihan penggunaan PPE dll. Latihan dijalankan setiap 2 tahun (refresher course). <p>C. Kebersihan Diri</p> <ul style="list-style-type: none"> Kemudahan tandas dan mencuci disediakan. Kebersihan diri yang betul diamalkan dengan membersihkan tangan dengan sabun sebelum makan dan minum. Tidak dibenarkan makan, minum dan merokok di dalam kawasan makmal di mana bahan kimia digunakan. 	<p>A. Prosedur Kecemasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Carta alir prosedur operasi piawai pelan tindakan kecemasan disediakan dan dipamerkan di makmal. Makmal dilengkapi dengan alat bantu mula kecemasan seperti peti pertolongan cemas, kit tumpahan kimia, selimut api, pancuran air keselamatan dan pembilas mata, dan kelengkapan pencegahan kebakaran seperti alat pemadam api yang mempunyai sijil sah yang diperakui oleh bomba, alat pengesan haba, alat pengesan asap dll. Mempunyai Pegawai Insiden yang bertanggungjawab bagi setiap aras bangunan. Mempunyai Emergency Response Team (ERT) yang bertauliah untuk memberikan bantuan awal kecemasan. <p>B. Tindakan Kecemasan Perubatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Peti pertolongan cemas lengkap, bahan isian semula yang tidak luput dan mudah dicapai disediakan di makmal. Mempunyai kumpulan First Aider yang bertauliah untuk mengendalikan bantuan awal kecemasan di tempat kerja. Talian kecemasan seperti nombor telefon keselamatan UKM, Pusat Kesihatan UKM dan Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) dipamerkan.



yang boleh diamalkan di dalam makmal di universiti berdasarkan tiga elemen tersebut bagi menjamin keselamatan pengguna sama ada pelajar, kakitangan dan para penyelidik.

Komitmen di dalam mengamalkan langkah-langkah ini, akan menjadi usaha berterusan di dalam memperkasakan aspek keselamatan bahan kimia di makmal-makmal UKM. Ini adalah selari dengan aspirasi

Dasar Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan UKM yang menjadikan pengurusan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan sebagai aspek penting dan bersepadu dalam pengurusan UKM. Ini juga menjadi petanda kecaknaan dan tanggungjawab warga akademik di dalam mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat bagi warga dan pelajar di kampus terutama apabila menguruskan bahan kimia.

“Aspek keselamatan bahan kimia menjadi satu keutamaan yang sentiasa dititikberatkan bagi memastikan keselamatan pengguna makmal, di samping membudayakan aspek keselamatan makmal kepada pelajar-pelajar yang bakal menjadi ahli profesional pada masa hadapan.”

TERIMAAN TIDAK DIKENAL PASTI SATU MITOS ATAU REALITI?

oleh:



SURAYA ABDUL HAMID
Ketua Penolong Bendahari Kanan
Bahagian Hasil
Jabatan Bendahari, UKM



SALIZA SAHRIL
Penolong Akauntan
Bahagian Hasil
Jabatan Bendahari, UKM



NOOR AIDAMY MD NOOR
Pembantu Akauntan
Bahagian Hasil
Jabatan Bendahari, UKM



SITI NUR AFINA MAT AZIZ
Pembantu Pelajar Latihan Industri
Bahagian Hasil
Jabatan Bendahari, UKM

Apa itu terimaan tidak dikenal pasti?

Terimaan tidak dikenal pasti atau *unidentified payment* merupakan satu contoh percanggahan pembayaran atau bahasa mudahnya bayaran yang diterima daripada pembayar gagal dipadankan dengan mana-mana invois atau akaun. Manakala, istilah 'Terimaan Tidak Dikenal pasti' ini diguna pakai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk mengelaskan terimaan yang belum/tidak dapat dikenal pasti butirannya apabila terimaan itu dikreditkan ke akaun bank penerima.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021, sebanyak 12 Agensi Persekutuan telah menyumbang kepada rekod terimaan tidak dikenal pasti berjumlah RM16.88 juta dengan lima penyumbang tertinggi, iaitu Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (RM10.19 juta), Universiti Utara Malaysia (RM2.60 juta), Universiti Teknologi MARA (RM2.21 juta), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (RM0.92 juta) dan Agensi Kelayakan Malaysia (RM0.36 juta). Ini menunjukkan betapa serius isu terimaan tidak dikenal pasti hingga terdapat juga Universiti Awam lain yang dilaporkan antara yang tertinggi terimaan tidak dikenal pasti bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Apakah isu terimaan tidak dikenal pasti wujud dalam ekosistem pengurusan terimaan UKM?

Jawapannya, ya. Ini bukan mitos buat pengurusan terimaan UKM kerana isu terimaan tidak dikenal pasti adalah satu realiti dalam ekosistem yang melaksanakan terimaan tanpa tunai dan pendigitalan kewangan. Pada tahun 2023, jumlah terimaan tidak dikenal pasti UKM adalah RM1.21 juta berbanding tahun 2022 berjumlah RM0.33 juta. Sebelum pandemik COVID-19 melanda, urusan terimaan universiti adalah secara tradisional; pelanggan terutamanya pelajar perlu ke kaunter untuk semua urusan bayaran secara tunai atau terminal kad debit/kredit. Malah, semua aktiviti terimaan universiti

adalah menggunakan nombor akaun bank rasmi universiti yang dimaklumkan kepada umum secara bertulis.

Selaras dengan pemesatan kewangan digital dan pemerksaan perkhidmatan kewangan tuntas dan pintar dalam Malaysia, UKM tidak ketinggalan melaksanakan medium bayaran atas talian seperti Portal eKewangan, gerbang bayaran UKMPay, juga medium bayaran digital yang diperkenalkan oleh perbankan tempatan seperti DuitNow QRPay, e-dompet dan sebagainya. Dengan penguatkuasaan dan strategi yang mampan, pelaksanaan Kampus Tanpa Tunai Universiti berjaya meningkatkan bilangan transaksi terimaan atas talian tahun 2023 kepada 108,000 transaksi berbanding tahun 2020 hanya 16,000 transaksi.


Bagaimana terimaan tidak dikenal pasti ini terjadi?

Hasil kajian Bahagian Hasil menunjukkan terimaan tidak dikenal pasti yang wujud berpunca daripada pembayar tahu nombor akaun bank UKM dan menggunakan perbankan atas talian yang tidak mewajibkan maklumat bayaran, iaitu mesin deposit tunai, pindahan atas talian dan DuitNow QR. Antara contoh terimaan adalah sumbangan, bayaran denda, fi pertandingan/seminar, bayaran yuran pengajian, lain-lain yuran akademik, sewa penginapan, denda kolej atau perkhidmatan makmal. Berikut adalah tiga faktor utama resit terimaan tidak dapat atau lewat dikeluarkan.

Mengapa terimaan tidak dikenal pasti menimbulkan isu kepada Bendahari?

Realitinya, menyelesaikan isu terimaan tidak dikenal pasti, memerlukan semakan dan penyesuaian/penyelarasan rekod kewangan seperti invois/surat/memo berkaitan dilakukan secara konsisten untuk memastikan ketepatan dan ketekalannya. Dalam masa yang sama, komunikasi antara pegawai Bendahari

FAKTOR RESIT TERIMAAN GAGAL DIKELUARKAN



dengan pihak yang terlibat dalam transaksi adalah amat penting. Komunikasi dua hala melalui emel/telefon/menghubungi pihak pembayar atau PTj yang menganjurkan aktiviti mengambil masa yang panjang dan ini memberi tambahan kerja kepada kakitangan Hasil. Namun, dua isu paling kritikal adalah hasil yang diterima tidak dapat atau lewat diiktiraf sebagai hasil PTj, malah, daripada aspek pembayar mereka masih berhutang dengan universiti walau telah membayar. Jangan terkejut jika ada transaksi terimaan yang mengambil tempoh melebihi 12 bulan untuk diresitkan.

Jadi, bagaimana kita sebagai warga UKM berperanan membantu mengurangkan terimaan tidak dikenal pasti ini?

Pertama, sentiasa berkomunikasi dengan Pegawai Hasil bagi mendapatkan medium bayaran yang terkini dan berupaya secara teknologi mencegah berlakunya terimaan tidak dikenal pasti bagi aktiviti penajaan yang dilaksanakan. Kedua, cakna dan gunakan kemudahan bayaran atas talian seperti Portal eKewangan, sistem yang telah ada kemudahan UKMPay seperti permohonan gantian kad matrik/kad pekerja dalam Sistem UKM V2.0 telah disediakan platform bayaran atas talian, bayaran denda lewat pengesahan peperiksaan bagi pelajar dalam SMP, bayaran pelekat kenderaan, denda trafik, denda perpustakaan semuanya boleh dibuat melalui Portal eKewangan dan bagi bayaran yang mempunyai invois kini boleh dicapai dan dibayar melalui aplikasi MyUKM. Ketiga, elakkan penggunaan medium bayaran seperti mesin deposit tunai atau pindahan elektronik walaupun tahu nombor akaun bank universiti tersemat di hati. Keempat, optimumkan platform Give2UKM dalam pendanaan umum kerana terdapat kemudahan UKMPay. Kesemua platform bayaran yang dinyatakan ini telah direka bentuk untuk memastikan kitaran pengurusan terimaan universiti



adalah lengkap sehingga pengeluaran resit secara elektronik. Justeru itu, marilah bersama Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari UKM membantu mengurangkan dan seterusnya mencapai 'sifar terimaan tidak dikenal pasti' dalam ekosistem Kampus Tanpa Tunai UKM sebagai usaha memperkasa pendigitalan pengurusan kewangan Universiti Watan kita.

“Jabatan Bendahari UKM membantu mengurangkan dan seterusnya mencapai 'sifar terimaan tidak dikenal pasti' dalam ekosistem Kampus Tanpa Tunai UKM sebagai usaha memperkasa pendigitalan pengurusan kewangan Universiti Watan kita.”



TONGGAK MADANI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN

oleh:



MOHD AZLI MOHD KASIRUN
Bendahari UKM



NORSHAHIDAH BINTI HASSAN
Pegawai Kewangan
Jabatan Bendahari, UKM

Pengenalan

Membangun Malaysia Madani menepati elemen keterangkuman bagi membina masyarakat bertamadun, bukan sahaja dari aspek fizikal, malah melahirkan modal insan yang cemerlang spiritual. Konsep ini menekankan aspek tata kelola yang berkisar pelaksanaan terhadap dasar negara terutamanya dalam kecekapan tadbir urus dalam mendepani cabaran masa kini.

Pendekatan dan tumpuan yang komprehensif perlu bergerak seadeg dengan agenda kerajaan untuk menggalakkan perpaduan dalam kepelbagaian serta ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam semua aspek pembangunan negara. Pemantapan pengurusan kewangan sangat penting dalam usaha membina sebuah Universiti yang berdaya tahan untuk menggerakkan sumber manusia dan teknologi dengan cekap.

Enam tonggak MADANI yang boleh diterapkan dalam membangunkan pengurusan kewangan yang terkehadapan terdiri daripada Kemampuan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan Dan Ihsan. Kesemua tonggak ini akan memacu negara ke arah kestabilan, pemulihan ekonomi, kesejahteraan warga UKM serta menegakkan integriti di bawah konsep Wahdatul Fikr (kesatuan fikiran) melalui sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

Kemampuan Kewangan Menjamin Kesenambungan Operasi

Kemampuan bertujuan memastikan kesinambungan sumber dalam memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang yang melibatkan proses berterusan dan usaha kolektif semua warga UKM.

Keupayaan UKM dalam menampung kos operasi menggunakan sumber dalaman telah pun terbukti sejak 2017 apabila UKM hanya menerima Geran Mengurus Kerajaan terhadap kepada perbelanjaan emolument sahaja.

UKM terus berdaya maju dalam memotivasi PTJ untuk menjana pendapatan melalui penambahbaikan agihan bajet. One Line Budget merupakan sistem pengurusan bajet yang bersifat autonomi terkawal kepada PTJ dalam menentukan perjalanan operasi bergantung kepada pendapatan diperolehi dan perbelanjaan yang dilaksanakan.

PTJ juga dapat terus beroperasi melalui sumber Tabung Amanah berfungsi sebagai sebagai rezab simpanan PTJ. Penggantian fasiliti usang juga boleh dibiayai oleh sumber tabung ini tanpa bergantung kepada Geran Pembangunan.

UKM perlu terus menggali kepelbagaian sumber penajaan bagi terus memperkukuh keupayaan dan kapasiti UKM untuk mendepani cabaran dan menjamin kesinambungan UKM yang lebih cemerlang.

Keseimbangan ke Arah Kesejahteraan

Kesejahteraan mental dan fizikal penting dalam melahirkan generasi yang dapat mendepani cabaran masa depan. Penekanan rohani dan spiritual perlu diberikan dalam melahirkan modal insan yang seimbang dan sejahtera. Reformasi dalam cara kerja dapat meningkatkan kawalan dan mengurangkan bebanan tugas yang semakin mencabar.

UKM perlu bergerak maju dan mengimbangi keperluan sumber manusia serta infrastruktur yang kondusif. Kita akur dengan kepesatan teknologi pembuatan yang boleh menggantikan manusia dalam pelaksanaan tugas. Walau bagaimanapun, ia memerlukan pelaburan yang tinggi dan kesesuaiannya dengan budaya masyarakat kita.

UKM perlu mengukuhkan ekosistem keselamatan siber, perlindungan maklumat yang berkesan bagi memelihara kesejahteraan sumber manusia dan fasiliti untuk bersedia mengorak langkah seiring dengan kepesatan perubahan.

Membina Daya Cipta dan Budaya Inovasi

Dalam era yang dinamik, UKM perlu menyesuaikan diri dengan perubahan pantas persekitaran yang memerlukan anjakan paradigma dan budaya inovasi untuk meningkatkan daya saing. Ekosistem penyampaian perkhidmatan awam perlu sentiasa diperkemas melibatkan proses merekayasa dan digitalisasi. Proses yang bertindih dan karenah birokrasi perlu dikurangkan bagi menjamin proses yang lebih cepat, mudah dan mesra pengguna.

Warga Jabatan Bendahari telah terbukti mampu melaksanakan pembaharuan dan inovasi bagi meningkatkan penyampaian yang terbaik dan lebih cemerlang. Budaya daya cipta sentiasa wujud dan berkembang selaras dengan proses perubahan berterusan, yang mendakap dan memperkasa kreativiti warga bendahari.

eP@UKM telah dibangunkan dalam memudahkan proses perolehan secara dalam talian. Proses bayaran kepada pembekal juga diproses melalui sistem yang sama. Sistem ini juga telah dikomersilkan dan perunding di kalangan warga juga telah dilantik bagi terus meluaskan penggunaannya dalam kalangan Universiti Awam yang lain.

Seterusnya, kampus tanpa tunai telah dilaksanakan sejajar dengan era digitalisasi. *One Line Bajet* diperkenalkan dalam penambahbaikan proses agihan yang lebih efisien.

Jabatan Bendahari terus gah selepas Kumpulan D'Futuristik telah memenangi Anugerah Emas dalam *International Convention on Quality Control Circle* melalui inovasi yang dipersembahkan baru-baru ini.

Banyak lagi pembaharuan dalam pengurusan kewangan yang telah dirancang dan kejayaan yang akan dikecapi dengan sokongan padu pihak pengurusan UKM.

Menyemarakkan Nilai Hormat Bagi Pengukuhan Pasukan

UKM telah meniti kejayaan selama 54 tahun usianya. Penubuhannya melalui rakyat kepada rakyat tentunya memiliki nilai unggul yang tersendiri.

Menyemarakkan nilai hormat akan menjadikan budi bahasa, kesopanan dan kesusilaan sebagai asas

tingkah laku sivik dan ketamadunan. Hormat merupakan elemen asas dalam menyantuni orang lain dengan berhemah dan pendekatan yang baik. Oleh itu, setiap warga perlu saling menghormati antara satu sama lain ke arah pengukuhan pasukan yang lebih teguh.

Memperakui dan menghargai setiap sumbangan dan pendapat dan memberi galakkan dalam menyuarakan idea baru. Tiada siapa yang akan ketinggalan dan seluruh warga dilayan sama rata dan adil. Hormat kepada peraturan dan dasar yang dibangunkan dengan memperkasa pelaksanaan terhadap peraturan secara holistik tanpa mengira peringkat kakitangan akademik dan bukan akademik serta gred jawatan.

Mewujudkan Keyakinan Melalui Nilai Integriti dan Ketelusan

Tata kelola yang cemerlang akan mengembalikan keyakinan masyarakat untuk memartabatkan Universiti sebagai sebuah Institusi yang akan melahirkan bakal pemimpin yang akan mencorak masa depan negara. Dalam zaman yang penuh cabaran, penilaian masyarakat terhadap kita ibarat tiada jurang pemisah. Kuasa viral, media sosial, dunia tanpa sempadan boleh menjadikan isu yang kecil menjadi besar. Impaknya akan terkesan kepada seluruh warga.

Oleh itu, integriti dan ketelusan ini perlu diterapkan dengan kepimpinan melalui tauladan. Warga UKM mesti kompeten dan bersifat amanah dan tidak boleh melindungi kepentingan peribadi melebihi kepentingan Universiti.

Pelan Integriti UKM 2021–2025 yang telah dirancang rangka kerja dan inisiatifnya perlu dilaksanakan secara berterusan dan jitu.

Nilai Ihsan dan Empati dalam Megimbangi Kestabilan

Warga UKM sentiasa menerapkan nilai ihsan dan empati dalam menyantuni seluruh warganya. Banyak bantuan bagi meringankan beban kewangan telah diberikan bukan sahaja kepada kakitangan malah dipanjangkan kepada pelajar.

Golongan orang kurang upaya (OKU) tidak pernah ditinggalkan. Infrastruktur dan fasiliti UKM dinaik taraf sesuai dengan keperluan melalui dana pembangunan. Golongan kurang berkemampuan sentiasa dibantu melalui sumbangan zakat, program derma dan wakaf. Penglibatan terus kepada masyarakat juga tidak pernah dilupakan seperti aktiviti bantuan bencana banjir dan program khidmat masyarakat setempat.

Kesimpulan

Rumusannya, enam tonggak MADANI perlu menjadi asas dalam membangunkan dasar dan strategi yang bukan sahaja memberikan penekanan kepada kepentingan untuk mencapai kestabilan kewangan, kecemerlangan tatakelola malah dalam melahirkan individu yang mempunyai karamah insaniah serta tekak untuk mendepani cabaran.



BERSYUKUR KETIKA DIUJI

oleh



DR. MAZNI MD YUSOF
Timbalan Ketua Pustakawan S52
PHCTM

Disahkan menghadapi kanser adalah sebuah mimpi ngeri yang tiada sadarnya, sesuatu yang digeruni ramai namun tiada siapa pun mampu mengelaknya. Muda, tua, miskin, kaya, ada sejarah keluarga atau tidak, mengamalkan gaya hidup sihat atau tidak, sesiapa pun berisiko untuk menghidapinya. Keadaan ini membuatkan pesakit kadangkala berada dalam keadaan terkejut dan memerlukan masa yang panjang untuk bertenang dan melawan emosi.

Begitu juga saya sewaktu disahkan menghadapi kanser payudara, saya dalam keadaan penafian dan larut dalam emosi yang panjang sebelum mula sedar dan bersyukur dengan keistimewaan yang saya miliki sebagai seorang pustakawan UKM yang menghadapi kanser. Sebenarnya, sebagai pesakit kanser terdapat banyak perkara yang patut disyukuri namun di sini saya ingin kongsi tiga perkara yang signifikan bagi kakitangan UKM.

Perkara pertama yang perlu disyukuri adalah sebagai penjawat awam yang disahkan mengidap kanser, pesakit layak untuk mendapatkan cuti sakit khas yang dikenali sebagai Cuti Barah. Cuti Barah yang diberikan ialah cuti sakit bergaji penuh dengan tempoh maksimum selama dua tahun. Pemberian cuti ini tertakluk kepada sijil sakit yang di keluarkan oleh pihak kesihatan.

Semasa mendapat rawatan kanser terutamanya semasa proses kemoterapi, keadaan tubuh badan pesakit akan menjadi lesu dan sangat rawan kepada jangkitan kuman. Di samping itu, kesan sampingan kemo yang teruk membuat pesakit tidak mampu untuk menjalankan tugas dengan baik. Untuk itu, pesakit diberikan cuti yang panjang agar dapat menjalani rawatan dengan baik dan dapat kembali bertugas dengan sihat.

Namun, tidak demikian halnya bagi pesakit bukan kakitangan kerajaan. Cuti sakit yang terhad memaksa mereka mengambil cuti separuh/tanpa gaji atau kembali bertugas selepas dua hari mendapat rawatan kemoterapi. "Saya, cuma boleh bercuti dua hari sahaja puan, kuota cuti sakit saya semakin menipis...", ujar seorang pesakit swasta yang saya temui. "Saya akan membantu suami di gerai selepas mendapatkan rawatan kemoterapi puan, kalau saya tak tolong dia, siapa pula nak tolong...", jelas wanita penjual kuih peneram di pasar malam.

Saya selalu teringat kepada mereka sewaktu saya terbaring kelesuan mahupun ketika saya mual menahan muntah di keselesaan rumah sendiri. Betapa beruntungnya

saya dapat berehat dan menjalani rawatan tanpa perlu memikirkan masalah cuti dan sumber kewangan kerana Cuti Barah ialah cuti bergaji penuh. Betapa bersyukur saya untuk nikmat ini.

Perkara kedua yang patut disyukuri sebagai kakitangan UKM ialah kos rawatan pesakit kanser di hospital dan institusi kesihatan milik kerajaan ditanggung sepenuhnya oleh universiti. Walaupun kos rawatan di hospital kerajaan tidak semahal di hospital swasta yang boleh memakan ratusan ribu ringgit, namun mendapat jaminan rawatan kanser yang bakal dilalui ditanggung sepenuhnya dapat mengurangkan kekusutan minda pesakit. Malah, lebih beruntung kerana kakitangan UKM boleh mendapatkan rawatan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) yang sangat lengkap dan memiliki ramai tenaga pakar terkemuka.

Mendapat rawatan di hospital yang lengkap dengan fasiliti rawatan untuk pesakit kanser adalah satu nikmat yang patut disyukuri. Terdapat pesakit yang saya temui terpaksa keluar awal pagi atau pun menumpang di rumah saudara mara semata-mata untuk mendapatkan rawatan seperti rawatan radioterapi dan PET Scan. Ini melibatkan kos perjalanan yang tinggi di samping boleh menyebabkan pesakit itu kehabisan tenaga untuk menghadapi rawatan. Ramai pesakit yang tidak berupaya untuk mengharungi perjalanan jauh untuk mendapatkan rawatan.

"Anak makcik terpaksa mengambil cuti untuk menghantar makcik ke sini, kasihan pula dia kena ambil cuti sebab jauh...", ujar seorang makcik pesakit kanser. "Saya menyewa sebulan di homestay untuk rawatan radioterapi, sebab jauh nak berulang-alik dari Seremban...", begitulah kata-kata seorang pesakit kanser payudara yang saya temui.

Saya bertuah kerana mendapat rawatan di Institut Kanser Negara (IKN) yang juga berfasilitas lengkap dan mempunyai ramai pakar perubatan. Lokasi IKN yang berdekatan tempat tinggal memberikan keselesaan untuk saya mendapatkan rawatan. Keselesaan mendapatkan rawatan adalah satu nikmat bagi seorang pesakit kanser. Beruntungnya pesakit warga UKM yang boleh membuat pilihan untuk mendapat rawatan di HCTM mahupun di hospital kerajaan yang lain yang sangat selesa dengan kos rawatan ditanggung kerajaan sepenuhnya.

Perkara ketiga yang patut disyukuri berkait rapat dengan peranan saya sebagai pustakawan di UKM. Sering

“Menjadi pesakit kanser, mengajar saya untuk menghitung nikmat sewaktu diuji. Namun, kita seharusnya belajar untuk lebih bersyukur semasa sihat dan diberi rezeki; contohnya menjadi kakitangan UKM adalah suatu rezeki yang patut kita syukuri.”

kali saya temui alumni UKM yang memuji Perpustakaan HCTM. Menurut mereka Perpustakaan HCTM adalah tempat yang sangat dekat dihati mereka untuk belajar mahupun untuk berehat sebentar antara kelas mahupun *post call*. Mendengar mereka memuji UKM pun, sudah membuat saya berasa seronok untuk mendapatkan rawatan.

Namun, terdapat satu lagi kelebihan sebagai pustakawan UKM yang sangat membantu saya mengharungi rawatan kanser, iaitu akses kepada sumber maklumat kesihatan yang disediakan di Perpustakaan UKM. Sumber maklumat ini telah membantu saya memahami rawatan yang sedang saya jalani dan kesan sampingan yang saya hadapi. Sumber maklumat ini juga membantu mengenalpasti maklumat yang salah berkaitan penyakit kanser serta dapat mengelak dari terjebak membeli ubat-ubatan yang menurut testimoni boleh mengubati semua penyakit termasuk kanser.

"Tak perlu kemo puan, makan ubat ini sahaja benjolan boleh hilang..", ujar penjual ubat kepada pesakit kanser tahap empat. Tanpa ilmu dan maklumat yang tepat, pesakit mungkin terpengaruh untuk membeli ubatan yang belum tentu boleh memberikan penyembuhan ajaib kepada pesakit kanser.

Kelebihan mengakses dan menggunakan maklumat berkaitan kesihatan kelihatan sebagai suatu nikmat kecil kepada kita penjawat awam. Namun, kelebihan ini dapat membantu meningkatkan kadar literasi kesihatan pesakit. Pesakit yang mempunyai kadar literasi kesihatan yang tinggi, lebih bersemangat untuk menghadapi rawatan kanser. Satu nikmat yang selalu dilupakan namun memberi kesan besar kepada emosi pesakit.

Menjadi pesakit kanser, mengajar saya untuk menghitung nikmat sewaktu diuji. Namun, kita seharusnya belajar untuk lebih bersyukur semasa sihat dan diberi rezeki; contohnya menjadi kakitangan UKM adalah suatu rezeki yang patut kita syukuri.



Puisi Buat Sahabat

Serasi lidah pahit dan kelat,
Walau dimamah menjadi ubat,
Ini warkah buat sahabat,
Walau jauh dan juga dekat.

Guna takal tali beroda,
Mudah kerja berangkat sedia,
Mula kenal menjadi mesra,
Sudah mesra berpakat setia.

Kain pelikat petaknya sama,
Tutup sarung selubung kepala,
Makin hormat sesama kita,
Hidup berhubung tiada sengketa.

Wakaf itu ibadah mulia,
Harta benda jadi sandaran,
Maaf memaafkan menjadi tanda,
Berjiwa besar berdaya tahan.

Takar menyimpan cuka asli,
Nira kabung ramuan tradisi,
Sabar benteng di dalam diri,
Tanda kekuatan iman sejati.

Lantun suara bernada irama,
Pendek dan panjang tanda harakat,
Tekun berusaha budaya kerja,
Baik bermanfaat usaha berkat.

Pikat memikat si punai tanah,
Sedia pukuk jalanya terdedah,
Minat dan bakat jadi terserlah,
Semua berpakat tiada berhelah.

Biar beroda gandarnya kuat,
Tiada buntu sorong bertandu,
Biar berjuta terima sahabat,
Tiada seteru di penghujung waktu.

Bawa bekal atas kepala,
Ikat kain berpintal tali,
Tiada kekal atas dunia,
Akhirat tujuan kekal abadi.

Sapa menyapa adat berkawan,
Jadi amalan budi santunan,
Kata nasihat jadi pedoman,
Jadi bekalan di hari kemudian,
...

"Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti,
Kalau ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati."

Nukilan:

Hazmir Hj. Zainal

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, PTSL,
13 Jun 2024



ANUGERAH TOKOH PERTADI

ROHAYA BINTI UMAR

Ketua Pustakawan VU7, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM

- Beliau mula bertugas tahun 1991 sebagai Pustakawan di Bahagian Dokumentasi / Bahagian Katalog / Bahagian Koleksi Arab dan Tamadun Islam.
- Ketua Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat (1998-2004)
- Ketua Bahagian Koleksi Arab dan Tamadun Islam (2005)
- Ketua Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat (2006-2007)
- Ketua Bahagian Perkhidmatan Pelanggan (November 2007 – Julai 2011)
- Ketua Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (Julai 2011 – Januari 2016)
- Ketua Bahagian Pengurusan Perkhidmatan Maklumat (Februari 2016 – November 2016)
- Ketua Pentadbiran Cabang (Disember 2016 – Februari 2018)
- Ketua Bahagian Pentadbiran dan Perancangan (Mac 2018 – September 2021)
- Beliau dilantik sebagai Ketua Pustakawan pada Oktober 2021.



ANUGERAH TOKOH TERBILANG PERTADI

DR. MOHD. AZMAN BIN ABAS

Pegawai Perubatan UD54, Pusat Kesihatan UKM

- Beliau menerajui Pusat Kesihatan UKM (PKU) selama 5 tahun dan merupakan Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis (Penyakit Berjangkit) sewaktu negara dilanda COVID-19 dan Jawatankuasa Tindakan Jerebu dan Cuaca Panas UKM.
- Merupakan Occupational Health Doctor (OHD), terlibat dalam Polisi Kesihatan Mental UKM dan Semakan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial 2022–2025 peringkat Kebangsaan dan merupakan Pengerusi Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Cabang UKM 2017–2019 dan 2021–2023.



ANUGERAH TOKOH HARAPAN PERTADI

MOHAMAD SHAHRIL BIN HUSSAIN

Jurutera J48, Jabatan Pembangunan Prasarana (JPP)

- Merupakan seorang Jurutera Elektrik Profesional dibawah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) yang kini menjawat jawatan Ketua Unit Elektrik JPP UKM.
- Seorang yang aktif sebagai Pegawai Bersekutu, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri bagi tempoh 2013–2027, Pegawai Pentadbiran (Universiti) Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia Sesi 2023–2026 dan penerima Pingat Am Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (2023).
- Beliau merupakan Ketua Jaminan Kualiti JPP 2021–2023 dan menjalankan inovasi yang melibatkan Laporan Pemantauan Aduan SAK JPP dan Penyelenggaraan rostrum untuk Majlis Konvokesyen UKM.
- Beliau juga mendapat Naib Johan (Lelaki) Sukan Tenpin Bowling Majlis dan peserta Sukan Kapal Layar Sukan MASTI 2023.



ANUGERAH PERTADI 2023 (PENULISAN SAINS DAN TEKNOLOGI)

KU ADRIANI BINTI KU AYOB

Pegawai Penyelidik Q44(FX), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

- Beliau aktif dalam penulisan dan tahun 2021-2023 merupakan tahun bingkisan yang diwarnai pelbagai aktiviti kerja penyelidikan dan lapangan.
- Dengan sokongan padu dan kerjasama daripada pasukan penyelidikan, maka terhasi penerbitan 2 jurnal, 5 bab dalam buku 2 bahan seminar/persidangan dan 1 laporan penyelidikan.
- Jauh di sudut harapan jangka panjang, agar momentum ini dapat dikekalkan dan terus menyumbang kepada universiti secara prolifrik dan holistik.



ANUGERAH PERTADI 2023 (PENYELIDIKAN SAINS & TEKNOLOGI)

DR. LIM CHOUN SIAN

Pegawai Penyelidik Q48, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

- Beliau merupakan Ahli Geologi Profesional (P.Geol) dan Geospasialis (Gs) yang aktif sebagai Penyelidik di LESTARI dan sedang mengetahui Projek, Penilaian Risiko Bencana Buat Manusia (Industri) tajaan Agensi Pengurusan Bencana (NADMA), JPM tahun 2023–2025 dan Projek Data Raya Pengurusan Bersepadu Bencana Geologi Tanah Runtuh Negara tajaan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Mineral dan Geosains.
- Jumlah Dana Penyelidikan dalam dan luar sebanyak RM2.839 juta yang meliputi lantikan Ketua Projek sebanyak 1.755 juta dan Penyelidik Bersama sebanyak 1,083 juta.
- Beliau juga merupakan ahli pasukan penyiasat khas bagi Bencana Banjir Puing Baling, Kedah 2022 di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KetSA) dan Kajian Forensik Banjir Puing 2021 Lembangan Bentung, Pahang di bawah Kerajaan Pahang.



**ANUGERAH PERTADI 2023
(PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL)**

DR. ROSAFIZAH BINTI MOHAMED IDRUS
Pegawai Tadbir N52, Jabatan Pembangunan Prasarana (JPP)

- Beliau terlibat aktif dalam beberapa geran penyelidikan, penerbitan makalah jurnal dan sesi pembentangan kertas kerja Kajian terkini melalui dana Penyelidikan FPend [GG-2021-2022] adalah berkaitan hubungan antara pengaruh kecerdasan menghadapi cabaran atau Adversity Quotient (AQ) terhadap prestasi kerja di Institusi Pengajian Tinggi.
- Kajian ini menekankan kebolehan staf berjuang menghadapi dan mengatasi cabaran yang dihadapi, serta mengubahnya menjadi peluang untuk lebih berjaya.
- Kajian ini juga amat berkaitan rapat tajuk pengajian Doktor Falsafah beliau dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia di mana hasil kajian beliau telah diterbitkan melalui dana penerbitan buku DBP-2022-048 sebanyak RM 6,000 dengan tajuk *Organizational Citizenship Behavior in Malaysia Education Institution*.
- Penerbitan terkini adalah *Relationship Between Personal And Work Factors and Affective Commitment Among University Administrators*, *International Journal of Academic Research In Progressive Education and Development* (2023).
- Beliau juga merupakan penyelidik Bersama bagi geran Towards Sustainable Society: Exploring Components Of An Intergenerational Learning For Promoting Environmental Literacy (2023).



**ANUGERAH PERTADI 2023
(PENULISAN SAINS SOSIAL)**

SRI YANTI BINTI MAHADZIR
Pegawai Teknologi Maklumat F44 (FX)
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)

- Beliau aktif dalam aktiviti penyelidikan dan penerbitan yang terkait dengan kajian alam Melayu.
- Sepanjang 2021-2023 beliau telah menghasilkan sebanyak 28 penerbitan yang terdiri daripada buku, bab dalam buku, prosiding, jurnal dan pelbagai media yang lain.
- Beliau juga terlibat aktif dalam pelbagai jawatankuasa penganjuran universiti. Terbaharu telah menerima Anugerah Emas menerusi pembentangnya dalam Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa & Budaya Nusantara (SUTERA) 2023 yang berlangsung di Thaksin University, Thailand.



**ANUGERAH PERTADI 2023
(INOVASI KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI)**

MOHAMAD MAHATHIR BIN AMIR SULTAN
Pegawai Penyelidik Q44(FX)
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

- Beliau mengetuai pasukan yang membangunkan Sistem CATCH yang merupakan sebuah sistem atas talian yang telah dibangunkan untuk membantu industri membuat pengelasan bahaya bahan kimia mengikut sistem GHS dan pematuhan kepada peraturan CLASS 2013.
- Sistem CATCH telah berjaya menghasilkan 4 IPR dan diiktiraf sebagai Projek Penyelidikan Gear Gamat Pemacu Perubahan UKM dengan penarafan 4 bintang (peringkat kebangsaan).



**ANUGERAH PERTADI 2023
(TADBIR URUS KREATIF & INOVATIF)**

SURAYA BINTI ABDUL HAMID
Pegawai Kewangan W52, Jabatan Bendahari

- Beliau merupakan Ketua Kumpulan Projek Inovasi Kumpulan KIK D'Futuristik yang telah menghasilkan inovasi FastPay yang bukan sahaja melestarikan tadbir urus bayaran yang patuh kepada peraturan Kerajaan, malah merupakan pencapaian untuk merealisasikan UKM Kampus Digital. Inovasi ini telah dinobatkan:
- Juara Keseluruhan KIK UKM, Juara KIK (Kategori Pengurusan) dan Fasilitator Terbaik di Konvensyen Kumpulan KIK UKM Kali ke-25 & LEAN@UKM Kali ke-3, pada 15 Jun 2022.
- Naib Johan Sektor Awam Persekutuan dan Projek Inovasi Bertaraf Tiga (3) Bintang semasa Konvensyen ICC/KIK Malaysia pada 24 November 2022; dan
- Pingat EMAS di Konvensyen Antarabangsa ICQCC, Beijing, China pada 30 Oktober – 9 November 2023.
- Beliau juga merupakan DGCCR Certified Trainer Terbaik yang diberikan oleh INTAN, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Program Digital Government Competency & Capability Readiness Certified Trainers 2.0. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pengarah INTAN semasa majlis pengtauliah DGCCR Certified Trainer pada 31 Oktober 2023.



**ANUGERAH PERTADI 2023
(KHIDMAT KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN)**

AHMAD ZAMRI BIN NOORDIN
Pegawai Tadbir N48
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

- Bertindak sebagai Penyelaras Program Saringan COVID-19 yang turut merangkumi Program Pemberian Vaksin COVID-19 melalui PPV Bergerak IPT di Johor, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang, serta terlibat dengan Program Saringan dan Ziarah Kasih, Program Saringan Kesihatan Komuniti, Program Aspirasi Keluarga Malaysia dan Program Sunathon sepanjang 2021-2023.
- Beliau juga penerima Anugerah Ahli Setia Negeri Sembilan (A.N.S) sempena Hari Keputeraan DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus ke-74 dan penerima Anugerah Bitara Keterlibatan HCTM 2022 (Keterlibatan industri).



**ANUGERAH PERTADI 2023
(SUKAN & REKREASI)**

MUHAMMAD AIZUDDIN BIN SAHARUDIN
Pegawai Tadbir N44
Jabatan Pendaftar UKM

- Seorang yang aktif dalam sukan Catur dan Badminton. Di antara kejayaan beliau adalah:
- Juara Keseluruhan Catur Lelaki, Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2022;
- Tempat Kedua, Catur Lelaki Berpasukan SUKUM 2022;
- Juara, Best Board, Kejohanan Sukan Staf;
- Tempat Ketiga Badminton Campuran, Kejohanan Sukan Staf UKM 2021; dan
- Pengurus Pasukan Catur UKM, Kejohanan SUKANUN 2023.

PELANTIKAN



KENAIKAN PANGKAT



PENGIKTIRAFAN / PENTAULIAHAN / SIJIL PROFESIONAL



PELANTIKAN • ANUGERAH • PENCAPAIAN • KEJAYAAN • PENGIKTIRAFAN

PELANTIKAN • ANUGERAH • PENCAPAIAN • KEJAYAAN • PENGIKTIRAFAN

ANUGERAH PINGAT



GRADUASI





Burung pipit burung kedidi,
Hinggap sekejap di pokok mangga;
Buat semua ahli PERTADI,
Terima kasih diucap tidak terhingga.